



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**IJAZAH SERJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN)
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA
AMER HMZAH L. KADIR**

NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK	2015116019
SITI NUR AIN' BT MOHAMAD SHARIF	2015134663

SEMESTER MAC – JULAI 2017

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	2
SENARAI SINGKATAN	3
BIODATA TOKOH	4
BIODATA PENEMUBUAL	5-6
PENGENALAN	7
KAJIAN LITERATUR	8-9
TRANSKRIP TEMUBUAL	10-90
KAJIAN SOALAN	91-92
RINGKASAN TRANSKRIP	93
LOG TEMUBUAL	94-98
DIARI KAJIAN	99
RALAT	100
INDEKS	101-102
RUJUKAN	103
LAMPIRAN	107

ABSTRAK

Temu bual ini mengisahkan tentang seorang penulis iaitu Amer Hmzah L. Kadir atau lebih dikenali sebagai Cikgu Amer. Beliau merupakan seorang penulis novel remaja. Novel pertama yang ditulis oleh beliau ialah Kembara Amira. Novel ini dijadikan sebagai buku teks komsas yang digunakan oleh sekolah-sekolah bahagian Utara Semenanjung. Tercetusnya idea penghasilan Novel Kembara Amira ini berdasarkan sebuah filem Inggeris iaitu Tom Raider. Walaubagaimanapun, bermulanya karier beliau sebagai penulis apabila beliau memasuki satu pertandingan iaitu Projek Hadiah Galakan Sastera Bumi Kenyalang dan penulisan pertamanya adalah berbentuk cerpen. Beliau juga menceritakan tentang kisah hidup beliau sebagai seorang penulis dari segi penulisannya, buku-buku hasil karyanya, penglibatannya dalam pertandingan yang disertainya, pencapaiannya, dan pendapatnya tentang penulis-penulis lain.

Kata kunci: Amer Hmzh L. Kadir, Novel Kembara Amira.

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan kami kekuatan, ruang dan masa yang mencukupi untuk menyiapkan transkrip temubual ini dengan jayanya.

Selain itu, kami juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Azree Bin Ahmad selaku pensyarah kerana telah banyak memberi kami nasihat dan tunjuk ajar yang tidak berbelah bahagi sehingga transkrip ini selesai dengan sempurna.

Ribuan terima kasih di tujukan kepada Encik Amer Hmzah Bin L. Kadir kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk di temubual dan segala kerjasama yang telah di berikan semasa proses temubual berlangsung amatlah di hargai dan ribuan terima kasih di ucapkan sekali lagi.

Kami juga ingin memberi penghargaan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu, memberi cadangan dan komen dalam proses menyiapkan transkrip ini. Tidak di lupakan juga kedua ibubapa kami yang tidak putus-putus memberi sokongan kepada kami dalam apa jua bidang yang kami ceburi.

Akhir sekali, di sini kami juga ingin mengambil peluang untuk berterima kasih kepada mereka yang membantu kami menyiapkan transkrip ini sama ada secara langsung mahupun tidak. Segala bantuan dan jasa yang di berikan amatlah kami hargai.

Terima kasih.

SENARAI SINGKATAN

- DNA – Deoxyribonucleic acid
- Dr. - Doktor
- Fb - Facebook
- GAPENA – Gabungan Persatuan Penulis Nasional
- IG – Instagram
- ID – Inter Dimensi
- ITBN – Institut Terjemahan Buku Negara
- ITM – Institut Teknologi MARA
- MACP – Music Authors Copy Protection
- PENA – Persatuan Penulis Nasional
- Ph D - Doctor of Philosophy
- PTPTN - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
- SMK – Sekolah Menengah Kebangsaan
- STP - (Sijil Tinggi Penilaian)
- TV - Televisyen
- U – Universiti
- UPM – Universiti Putra Malaysia
- UPSI – Universiti Pendidikan Sultan Idris
- USM – Universiti Sains Malaysia

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

BIODATA TOKOH



Nama Sebenar	Amer Hmzah Bin L. Kadir
Nama Samaran	Cikgu Amer
Negeri Kelahiran	Terengganu
Tarikh Lahir	Tahun 1966
Alamat	
Nombor Telefon	
E-mel	
Profesion	Guru
Bidang	Sejarah

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama	Siti Nur' Ain Binti Mohamad Sharif
Alamat	
No. Telefon	
E-Mel	
Program	IM244 – Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama	Nur Amalina Azira Binti Razak
Alamat	
No. Telefon	
E-Mel	
Program	IM244 – Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan

PENGENALAN

Biografi adalah kisah hidup ataupun keterangan kehidupan seseorang individu. Oleh itu, segala maklumat mengenai individu tersebut akan di lengkapkan di dalam sebuah biografi. Di antara maklumat yang biasanya terkandung dalam biografi ialah tentang dirinya bermula daripada kelahirannya ke dunia sehingga beliau berjaya dalam sesuatu bidang yang di ceburi. Biografi juga menceritakan tentang perasaan yang terlibat dalam liku-liku kehidupannya mengenai sesuatu bidang sehinggalah beliau digelar seorang yang berjaya sehingga kini.

Tambahan lagi, semua hasil karya, jasa dan segala hal yang dihasilkan atau dilakukan oleh tokoh tersebut juga dijelaskan dalam sesuatu biografi. Teks biografi biasanya ditulis dan disusun oleh individu lain yang bukan tokoh tersebut. Tujuan utama menerbitkan biografi adalah untuk menyenangkan para pengkaji selidik untuk mencari maklumat tentang seseorang individu atau ilmu tentang sesebuah bidang yang diceburi oleh tokoh-tokoh tertentu. Biografi juga adalah pilihan yang tepat untuk dijadikan sebagai sumber bahan rujukan dalam pembelajaran. Ini adalah kerana biografi ialah yang mempunyai ketepatan yang paling sahih kerana setiap informasi dan maklumat yang terdapat didalam biografi adalah hasil daripada penceritaan sebenar oleh tokoh itu sendiri.

Oleh itu, untuk memenuhi keperluan subjek ini, kami telahpun memilih seorang tokoh iaitu Encik Amer Hmzah Bin L. Kadir untuk ditemubual mengenai hidup beliau sebagai seorang penulis novel sastera remaja yang telah memenangi pelbagai anugerah dari pelbagai pertandingan yang disertainya sehingga salah satu hasil karyanya iaitu novel *Kembara Amira* telah dijadikan buku teks komsas di seluruh sekolah di bahagian utara Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Amer Hmzah L. Kadir dilahirkan pada 19 Jun tahun 1966 di Dungun , Terengganu. Mula menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Bertam dan bersambung ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahang dan SMK Kulim. Mempunyai pendidikan tinggi dalam Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kepujian dalam bidang Sejarah di Univesiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam Sastera Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bekerja sebagai pengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Selama, Kedah. Amer Hmzah L. Kadir memulakan penulisan pada tahun 1994 dan memulakan penulisan cerita-cerita pendek dan menulis novel.

Memulakan karier sebagai penulis melalui penyertaan pertandingan “Projek Hadiah Galakan Sastera Kenyalang” tahun 1999 telah membangkitkan semangat bakat penulis-penulis muda di Sarawak. Cerita pendek atau cerpen “Caturangga” hasil penulisan beliau telah digunakan sebagai pemangkin untuk projek tersebut. Selain itu, cerita pendek yang bertajuk “Belasungkawa” telah dianugerahkan sebagai karya yang bagus dalam “Projek Hadiah Galakan Sastera Kenyalang”. Kedua-dua cerpen ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Minggu dan penerbitan antologi ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Bank Utama pada 1999.

Penglibatan dalam penulisan novel pula bermula pada tahun 2004 apabila novel pertama beliau, iaitu “Biar Bintang Berguguran” telah diterbitkan. Kemudian diikuti dengan “Demi Kasih Katrina” dan “Krisandra & Cinta yang Lara” yang diterbitkan oleh Tintarona Publications Sdn. Bhd. Kembara Amira pula merupakan novel yang memenangi hadiah utama Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2005 dan diterbitkan pada tahun 2006. Akhir sekali, novel beliau, iaitu “ Kala Yuda” telah mengungguli tempat pertama dalam Sayembara Fiksyen, Sains dan Teknologi UTM anjuran Kumpulan Utusan.

Amer Hmzah L. Kadir boleh dihubungi di talian 014-2400412 atau boleh melalui laman social “*Facebook*” Amer Hmzah.

Antara penulisan karya Amer Hmzah L. Kadir

Tajuk	Penerbitan
Caturangga (cerita pendek)	Dewan Bahasa dan Pustaka Utama kerjasama dengan Bank Utama 1999
Belasungkawa (cerita pendek)	Dewan Bahasa dan Pustaka Utama kerjasama dengan Bank Utama 1999
Biar Bintang Berguguran	Tintarona Publication Sdn. Bhd. 2004
Demi Kasih Katrina	Tintarona Publication Sdn. Bhd. 2004
Kembara Amira	Utusan Publication & Distribution 2005
Krisandra & Cinta yang Lara	Tintarona Publication Sdn. Bhd. 2007
Kala Yuda	Utusan Publication & Distribution 2010
ID	Utusan Publication & Distribution 2010
Empayar	Institut Terjemahan & Buku Malaysia 2013
Bedar tanpa Laut	Institut Terjemahan & Buku Malaysia 2013
Mengukir Larut	Dewan Bahasa & Pustaka 2016

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

TRANSKRIP TEMU BUAL

Berikut adalah transkrip temu bual bersama Cikgu Amer Hmzah L. Kadir seorang penulis novel sastera remaja. Temu bual ini dijalankan di kediaman beliau Mahang, Kedah pada 10 May 2017 pada hari Rabu. Temu bual ini juga dilakukan pada waktu pagi jam 10.00 pagi dan berakhir dalam jam 12.30 pagi. Temu bual ini melibatkan Cikgu Amer Hmzah, Nur Amalina dan Siti Nur' Ain. Terdapat juga beberapa ralat daripada isteri Cikgu Amer dan Ain Syahirah yang menemani kami ke rumah Cikgu Amer.

Nur Amalina Kalau boleh kita start (mulakan) dengan yang *basic* (asas) dulu cikgu. Macam nama penuh cikgu, memang cikgu guna nama Hmzah L. Kadir tu la. Amer Hmzah L. Kadir memang nama betul cikgu la?

Cikgu Amer Ok (baik) nama tu betul la. Nama betul yang salah eja. Semasa daftar memang nama macam tu, 'H.M.Z.A.H'. Jadi orang keliru, orang ingatkan nama pena. Tak dak (Tiada), saya tak dak (tiada) nama pena, nama 'direct' (terus), Amer Hmzah L. Kadir.

Nur Amalina Kadir. L. tu *stands for* (L itu bermaksud?)

Cikgu Amer *Nothing* (Tiada apa). Hahaha (Cikgu Amer ketawa). Saya pun tak tau (Tidak tahu).

Nur Amalina Kiranya nama ayah Cikgu la.

Cikgu Amer Ha (Ya). Nama ayah saya. Lagi?

Nur Amalina Asal, klau ikut tu memang asal daripada Terengganu kan?

Cikgu Amer Ok, (baik) saya dilahirkan di Terengganu, eh (berfikir) Dungun,

Terengganu. Kemudian err (berfikir)... merantau ke Kedah ni lama dah, jadi kalau orang dengar saya cakap ni dah tak macam orang Terengganu dah. Biasanya orang Terengganu susah nak ubah 'slang' (loghat). Terengganu, Kelantan. Kelantan lagi pekat. Betul tak? Hahahaha...Ok, lagi nak tahu tentang apa? Latar belakang apa?

Nur Amalina

Err (Amalina berfikir)... macam cikgu datang Kedah, tahun? Memang *start* (mula) mengajar tu memang...

Cikgu Amer

Bukan...bukan, saya dari kecik (kecil) berpindah. Satu keluarga berpindah dari Terengganu ke Kedah. Hmm...Berpindah sini, Mahang.

Nur Amalina

Kiranya sebab *family* (*keluarga*) pindah datang sini la.

Cikgu Amer

Ya. Sebab *family* (*keluarga*). Bukan kata masa saya kerja ka, tak...Tak.

Nur Amalina

Ayah cikgu kerja ke, sebab ikut *family* (*keluarga*) kerja ke memang...

Cikgu Amer

Ayah saya bemiaga.

- Nur Amalina** Ohh...Berniaga. Tu yang tukar ke sini tu.
- Cikgu Amer** Mari sini, tinggal sini terus. Kemudian saya la waris.Adik- beradik saya semua keluar dah.Saya masih lagi di Mahang.
- Nur Amalina** Cikgu ada berapa orang adik beradik kiranya.
- Cikgu Amer** Sembilan. Ramai..
- Nur Amalina** Cikgu yang ke?
- Cikgu Amer** Saya tengah- tengah nombor lima. Atas empat bawah empat, saya dok (duduk) di tengah- tengah. Sembilan adik- beradik, maknanya kami boleh buat *team* (pasukan) bola tu. Hahahaha..Ok, lagi nak tau tentang apa? Latar belakang, itu ja kot saya boleh ceritakan.
- Nur Amalina** Ye la sebab tak banyak pun. Yang ape, kitaorang dapat tahu, cikgu ape, *starts* (mula) daripada Dungun lepas tu pindah sini. Tu la yang SMK Kulim yang kita tengok tu (Amalina bercakap dengan Ain). SMK Kulim kan Cikgu belajar?
- Cikgu Amer** Ok. Pendidikan saya, saya belajar di sini dari sekolah rendah kemudian pergi ke Sekolah Mahang kemudian SMK Kulim untuk

STP. Zaman tu susah nak masuk U. Duit tak dak (tiada). Zaman sekarang banyak duit, PTPTN kan. Betul, zaman tu tahun...kamu bayangkan saya STP tahun 85, 1985. Makna kalau ada orang boleh masuk universiti tu kira hebat la. Kos, kos. Jadi saya kerja dulu jadi cikgu kemudian sambung balik belajar. Lepas STP minta kerja jadi cikgu masuk maktab kemudian keluar, kerja sambung belajar di USM, buat *first degree* (Ijazah Pertama) saya di USM lepas tu Master di UPSI. Erm..setakat tu dah la, Phd tak larat dah kot. Tua dah.

Nur Amalina Memang dah tak nak sambung la?

Cikgu Amer Erm...tak da...berasa tua ja. Lewat dah umur. Kalau muda ha... memang seronok. Hmm...sampai itu ja la system pendidikan saya.

Nur Amalina Isteri pun asal pada Kedah?

Cikgu Amer Isteri saya sebelah sana. Sebelah Perak sana. Kan tadi kamu singgah situ kan pasar malam tu. Pernah pergi pasar malam kan? Pasar malam baru ni yang disebelah sana, sebelah sungai sana, sana Perak. Ha...isteri saya kampung situ. Tapi dia pun asalnya dari...err...Terong, Perak. Pindah juga mari sini. Jadi kami kahwin orang sekampung, tak payah gaduh masa raya.

- Nur Amalina** Isteri cikgu, cikgu juga? Mengajar di SMK Selama ke?
- Cikgu Amer** Ya, cikgu. Isteri saya cikgu mengajar di SMK Mahang. Hmm..lama dia disitu. *First posting* (tempat pertama ditugaskan) sampai sekarang.
- Nur Amalina** Dia mengajar subjek apa?
- Cikgu Amer** Isteri saya mengajar BM. Saya mengajar Sejarah. Pelik, saya bukan Cikgu BM tau saya cikgu Sejarah.
- Nur Amalina** Cikgu ada lima orang anak kan?
- Cikgu Amer** Empat ja. Ha? (Cikgu Amer terkejut).Aikk, mai mana sorang lagi. Empat orang. Anak saya empat orang, perempuan semua. Tak dak (Tiada) laki (lelaki), saya sorang (seorang) saja laki. Makna hidup saya dikelilingi oleh wanita. *Fuyoo*. Hahaha (ketawa). Kalau orang dengar, aihh apa la cikgu ni. Hahaha (Ketawa). Memang la anak saya empat, isteri saya satu, lima la. Empat- empat orang ada. (Cikgu Amer memberitahu keempat- empat anaknya berada di rumah)
- Siti Nur' Ain** Cikgu, ahh sekolah (Ain berfikir) macam *first posting* (tempat pertama ditugaskan) cikgu kat mana?

- Ckgu Amer** Ok. Ahhh...Saya habis maktab 1989. First posting saya SMK Lawas, Sarawak. Ya SMK Lawas, L.A.W.A.S (Cikgu Amer memberitahu ejaan LAWAS). SMK tu bukan Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kerajaan. Erm...sebab di Sarawak kan banyak sekolah swasta kan sekolah persendirian jadi untuk beza tu dia bubuh (letak), dia letakkan 'K'. Kalau kita 'K', Kebangsaan kan? Ha...dia kerajaan. SMK Lawas selama enam tahun kemudian minta balik ke Semenanjung, SMK Labu Besaq (Besar). Bukan labu, Labu Besar. Tau? (Tahu)
- Nur Amalina** Tak tahu. Hahaha...Tak tahu kat mana?
- Cikgu Amer** Hahahaha... tak pa la. Tak payah tau. Sini jugak. (juga)
- ur Amalina** Ohh. Kawasan sini la. Kedah. Memang terus daripada Sarawak tu memang terus balik Kedah la.
- Cikgu Amer** Selepas arr..saya minta Kulim la, daerah Kulim, diorang post, letak kat situ. Kerja kat situ.
- Nur Amalina** Berapa tahun kat situ?
- Cikgu Amer** Agak lama juga situ. Saya ingat tujuh tahun disitu.

- Nur Amalina** Kiranya kat Sarawak Sembilan tahun?
- Cikgu Amer** Enam. Enam tahun.
- Nur Amalina** Ehh. Enam tahun.
- Cikgu Amer** Kemudian tukar ke SMK Mahang.
- Nur Amalina** Tempat isteri cikgu la?
- Cikgu Amer** Hmm...Dok sekali. Kemudian SMK Selama.
- Nur Amalina** Mahang berapa tahun?
- Cikgu Amer** Tu masalah dia. Saya angka ni *problem* (masalah). 95 err...2010. Enam, tujuh tahun macam tu lah. Sebab saya masuk SMK Selama 2011. 2011 sampai 2017. Apa tu? Dok kira apa?
- Nur Amalina** Ain dok kira hari. Dok kira tahun.

- Cikgu Amer** Hahaha..kira tahun. Ahh, lama dah jadi cikgu ni dekat berapa tahun dah? 89, 2017. Ha...lama. Kira nak pencen dah.
- Nur Amalina** 28 tahun la. Dah nak masuk 28 tahun.
- Cikgu Amer** Dua tahun lagi saya boleh pencen, rehat duduk di rumah.
- Nur Amalina** Kiranya cikgu memang minat bidang mengajar la?
- Cikgu Amer** Bukan.
- Nur Amalina** Tak juga. Ke sebab memang...
- Cikgu Amer** Alaa...bila tanya tu, ramai yang mari tak pernah tanya soalan tu. Hampa (Kamu) ja (sahaja) tanya. Saya tak minat jadi cikgu.
- Nur Amalina** Hahaha..tu takdir yang menentukan.
- Cikgu Amer** Saya anggap dia satu pekerjaan. Hahaha (ketawa).

- Nur Amalina** Apa cikgu?
- Cikgu Amer** Satu pekerjaan.
- Nur Amalina dan Siti Nur' Ain** Hahahaha...
- Cikgu Amer** Bukan, saya dulu sebenarnya (sebenarnya) saya minat nak masuk...apa...ni...Art and Design, UiTM err...masa tu UiTM tak banyak tau.
- Nur Amalina** ITM.
- Cikgu Amer** Shah Alam ja. Saya pergi 'interview' (temuduga) di Sungai Petani. Err...syarat dia bawa pensel sebatang, pensel 2B dan pepadam.
- Nur Amalina** Untuk melukis la tu?
- Cikgu Amer** Untuk melukis. Bila dapat tu bapak (bapa) saya kata tak payah la. Apa nak, nak cari makan macam mana. Dia suruh saya mintak (minta) cikgu. Ha...itu rahsia saya jadi cikgu. Sebab saya minat melukis.

- Nur Amalina** Kiranya sebab ayah cikgu la?
- Cikgu Amer** Dia...dia tak yakin pelukis boleh cari makan. Zaman tu lah, tahun 80 an.
- Nur Amalina** Tapi kalau ikut cikgu memang dapat la?
- Cikgu Amer** Kemudian atas desakan dia la, desakan ayah saya ni saya mintak Maktab Perguruan.
- Siti Nur' Ain** Kiranya dia nak cikgu kerja dalam kerajaan la.
- Cikgu Amer** Hmm...saya ingat kalau saya jadi pelukis, saya jadi pelukis terkenal sekarang. Angan- angan tu, sebab saya minat.
- Nur Amalina dan Siti Nur' Ain** Kan...mungkin.
- Cikgu Amer** Atau mungkin rezeki saya bukan disitu. Rezeki saya di lain. Kalau saya pelukis mungkin saya tak menulis novel.
- Nur Amalina** Ha... Mungkin juga. Tapi err... tawaran tu memang diterima la.

Kiranya cikgu memang, permohonan cikgu lepas ape, pergi *interview* (temuduga) ape semua tu memang dapat.

Cikgu Amer Arr... Saya tak pergi, saya tak pergi lapor diri.

Nur Amalina Ohh... tak pergi lapor diri tapi dapat la surat tawaran tu memang dapat la?

Cikgu Amer Ya. Tak lapor diri. Tak lapor diri tu orang tua tak bagi. Tapi saya ingat saya jadi pelukis saya kaya sekarang.

Siti Nur' Ain Hmm... betoi (betul).

Cikgu Amer Hahaha (Ketawa)... angan- angan la.

Nur Amalina Kiranya tapi kalau hobi- hobi sekarang memang buat lukis la.

Cikgu Amer Ya. Lukisan. Tu...tu tengok dinding tu. Dinding apa yahudi tu saya buat bunga- bunga tapi tak kaler (warna). Dinding tu saya panggil dinding yahudi, orang sebelah yang buat.

Nur Amalina dan Siti Ohh...Hahaha

Nur' Ain

Cikgu Amer Kalau saya buat saya panggil la dinding apa ni syurga, firdaus ka apa kan. Ni saya panggil tembok yahudi. Diorang (mereka) tutup.

Nur Amalina Dia tak kisah la lukis- lukis tu?

Cikgu Amer Tak. Ini kira kawasan saya.Dia bukan nampak pun. Sebab kalau kamu datang dulu, datang kalau sebelum buat ni itu ja. Rumah saya rumah mula masuk jalan tu. Tu ada jalan kan..Ha... tu...tu...sebelah tu ja jalan.

Siti Nur' Ain Ohh...Hmm...

Cikgu Amer Sebab tu tadi agak...tak pa la uji la pemandu lesen lama kot.

Nur Amalina dan Siti Hahaha (Ketawa)...

Nur' Ain

Cikgu Amer Hahaha (Ketawa)...Dah ka merepek dah tu. Tudia (Itu dia) cikgu hampa. Ok. Merepek. Kamu rakam ni.

Nur Amalina

Tak pe.

Cikgu Amer

Ok. Lagi apa kamu nak Tanya? Pendidikan saya lagi?

Nur Amalina

Dah lupe (lupa), tadi ada benda nak tanya tapi dah lupa dah.

Cikgu Amer

Oh...ok, ok. Nanti ingat tanya.

Nur Amalina

Ah...Tanya ikut yang kita dah sediakan. Hahaha (ketawa).

Cikgu Amer

Ya, ya ikut skrip. Boleh ikut skrip.

Nur Amalina

Macam kan first kitorang apa yang di bagi tahu (beritahu) *based* (berdasarkan) sebab *base on* (berdasarkan atas) apa buku Kembara Amira kan, sebenarnya kalau dalam buku tu apa yang cikgu nak tonjolkan. Kiranya apa yang motif cikgu nak tonjolkan dalam cerita Kembara Amira?

Cikgu Amer

Ok. Baik. Untuk penulisan ni bagi saya la bukan, semua penulis ada pendapat sendiri. Saya ada pendapat saya. Penulisan ada dua ja. Satu untuk diri sendiri, satu untuk orang. Untuk diri sendiri ni, kita ja yang paham (faham). Untuk orang kita kena bagi orang paham. Paham dak?

Nur Amalina dan Siti Hahaha (Ketawa).

Nur' Ain

Cikgu Amer

Ada setengah buku kita baca apa dia ni cerita kan, kita tak paham. Tapi dia, dia tahu. Haa...saya ada, sekarang ni macam, terkini ni banyak penulis- penulis tu ada di Malaysia. Dia tulis dia ja paham. Diterbitkan bila kita baca, kita jadi tak paham. Macam baru ni saya jumpa di pesta buku macam tu juga. Ada sorang penulis yang hebat, dia bukan hebat mana, hebat dia kelajuan dia menulis. Lokman, Lokman Hakim. Kemudian timbul la masalah Sayembara apa, saya kata dekat (pada) dia, kamu tulis untuk kamu bukan untuk pembaca jadi kamu puas. Tak boleh. Di Malaysia tak boleh buat macam tu. Kita nak tulis bagi orang boleh, orang puas baca. Sebab dia kata masuk sains fiksyen tak pernah menang. Pertandingan kan. Novel dia agak berat dan hanya dia yang paham. Ohh...susah. Jadi bila saya menulis, pertama sekali saya menulis untuk remaja tu sebenarnya Kembara Amira ni untuk remaja (Cikgu Amer tersasul) err..remaja. Projek err... Hadiah Sastera. Arr...kumpulan Utusan ni setiap tahun dia anjurkan satu Sayembara yang dah cukup lama tau. Saya ingat tahun 88 tak silap saya. Dari tahun 88 sampai sekarang tiap- tiap tahun dia anjurkan pertandingan menulis novel remaja. Err...satu, novel dalam bentuk buku kemudian ada cerpen. Cerpen tu yang disiarkan di Utusan. Baik, jadi bila saya menulis, ber...berkebetulan hadiah sastera ni untuk remaja jadi saya tulis Kembara Amira tu sebenarnya untuk remaja. Remaja ni sama ada dari segi watak dia, watak dia mesti kelompok remaja la tapi tak boleh la sampai tak dak (tiada) orang tua. Tak logik cerita tu kan, cerita tak logik dan tema dia mestilah tema yang simple (mudah) yang boleh remaja paham. Saya tak tahu semasa teks Kembara Amira dikaji saya tengok tema dia agak tak betul. Tema saya ni sebenarnya tentang kasih-sayang seorang anak kepada ibunya kan, itu ja. Tapi bila dikaji

oleh orang lain dia kata oh, ini adalah satu pengembaraan. Bukan, dia bukan pengembaraan. Pengembaraan ni dia keluar dari rumah berjalan- jalan, kita tak tahu apa arah tuju kita. Ha...itu pengembaraan. Ini Amira dia pergi ke, jumpa ibu dia yang ada di tapak arkeologi, itu ja. Jadi banyak yang bagi salah tafsirannya. Jadi ketika saya menulis Kembara Amira ni ada satu peristiwa yang menarik, kenapa saya mula tulis Kembara Amira. Hahaha...

Nur Amalina

Boleh kongsi la tu.

Cikgu Amer

Hahaha... cerita pi la nak bagi lama. Pensyarah hampa dengaq (dengar). Pensyarah akan dengaq dak, dak? Dia akan dengar?

Nur Amalina

Kami je.

Cikgu Amer

Baik. Satu malam...macam cerita pulak (pula).

Nur Amalina dan Siti

Hahaha (ketawa).

Nur' Ain

Cikgu Amer

Saya menonton satu filem, err...apa...lupa, pelakon dia Angelina Jolie. Err...apa itu?

Nur Amalina

Tomb Rider.

Cikgu Amer

Ha... Tomb Rider. Jadi Angeline ni di...diberi watak yang agak seksi kan. Baju dia, ketat dia. Arr...saya duduk tengok ni saya kata apa salah kalau aku, saya la, aku tulis satu cerita. Watak dia cukup bagus, watak dia cukup bagus. Seorang yang pintar. Pintar, berani semua ada dalam diri dia tapi penonjolan dia tu tak sesuai dengan kita punya budaya timur la. Jadi saya tulislah Kembara Amira ni, watak Amira ni. Jadi tak dak nama lain nama anak saya semua mula dengan Amira, ambik la satu Amira letak disitu kan itu yang Kembara Amira tu. Jadi saya bagi la masukkan unsur- unsur ketimuran dalam watak tu. Pintar, berani, penyayang, hormat orang tua, itu harus ada pada seorang remaja. Remaja kalau hilang unsur tu dia jadi la, mula jadi mat rempit la apa semua tu. Masalah sosial pada waktu itu pun amat teruk kerana saya tulis tahun berapa tu eh, tak silap saya tahun 2000. 2000 saya hantar pada satu penerbit, penerbit tu reject (tolak) sebab tak sesuai dengan depa (mereka) punya penerbitan. Kemudian saya masuk Sayembara Hadiah Sastera jadi menang tempat pertama la.

Nur Amalina

Kiranya masa dah hantar tu benda tu dah siap dah complete (lengkap)

Cikgu Amer

Dah siap. Ya dah siap. Nak hantar kena siap la. Hahaha (ketawa).

Nur Amalina

Hahaha (Ketawa).

Cikgu Amer Ok. Dah *check* (semak), arr...*proof reader* saya isteri saya la. Dia orang bahasa kan. Ada ejaan kadang kita terlalu laju ni ada la *typo* (salah eja). Jadi isteri saya kerja dia check, saya betulkan, pos. Dulu pos tapi sekarang senang emel. Tapi masalah emel kita tak dak (tiada) dalam bentuk arr... manuskrip. Ada dalam emel ja lah jadi klau kita nak kita kena cetak kan kalau dulu cetak, pos.

ur Amalina Cetak tu memang betul dibukukan terus lah. Baru hantar dekat dia.

Cikgu Amer Nak tengok manuskrip tu?

ur Amalina Boleh jugak.

Cikgu Amer Boleh *stop* (berhenti). Satgi (nanti) rugi bateri.(Cikgu Amer menunjukkan manuskrip- manuskrip yang beliau hasilkan)

Sambungan rakaman kedua

Cikgu Amer Lapan arr...haa...86. Cerpen dah mula 86. Kalau novel, novel lewat dua tahun, 88. Mana mula diorang buat pertandingan menulis cerpen dulu.

Nur Amalina Oh. Cikgu masuk pun dengan *start* (mula) menulis cerpen dulu kan? Ke memang terus...

Cikgu Amer Ya. Saya menulis cerpen dulu. Jadi kalau, kalau... Alah, berdebu sikit, sori (maaf). Kalau orang sastera sekarang... record (rakam) ka?

Nur Amalina Dah. (Sudah)

Cikgu Amer Okay. Kalau penulis sekarang, dia kata saya ni terbalik tau. Saya mula dengan cerpen kemudian saya berakhir dengan novel. Biasanya penulis- penulis besar dia mula dengan novel dulu lepas tu baru dia tulis cerpen. Kalau kita tengok A. Samad Said, dia dah tak tulis dah novel, dia tulis cerpen. Shahnnon pun err... dia ada tulis cerpen, eh... novel tapi dia lebih tumpu pada cerpen jadi saya ni terbalik, tulis cerpen. Tu pun dua ja cerpen saya tulis. Hahaha (ketawa). Kemudian saya tulis novel. Okey.

Nur Amalina Kiranya macam, macam... macam mana cikgu boleh start macam menulis macam kenapa macam, kenapa menulis, kenapa bukan bidang lain.

Cikgu Amer Oh, okey. Dia ada kisah dia. Setiap peristiwa ada kisah. Masa saya kerja di Sarawak dulu err... kebetulan masa tu apa ni, berita harian, Dewan Bahasa dan Pustaka emm... Sarawak. Saya tak ingat la dia. Wilayah, Wilayah Timur ka apa dia panggil, tapi Sarawak punya lah.

Dia anjurkan satu pertandingan, err...menulis cerpen jadi masa tu duduk sorang- sorang kan dekat Sarawak, tak kawin lagi bujang lagi masa tu jadi saya cuba la, cuba. Dan cubaan ni kebetulan masa tu selepas apa ni...ada satu program Kerajaan Negeri Sarawak bawak (bawa) sasterawan Negara melawat semua sekolah di Sarawak tau, termasuk sekolah saya, diorang sampai. Jadi bila sembang- sembang tu, macam tu. Dia kata "cikgu masuk la pertandingan". Sekarang ada, dia kata di Berita Harian. Jadi saya tulis dua cerpen. Satu cerpen, memang dia tak bagi pun kat rakyat luaq (luar). Dia bagi kat rakyat Sarawak. Hahaha...kan? Diorang nak jaga...projek tu sebenarnya untuk penduduk Sarawak tapi saya bermastautin dalam syarat pertandingan sebab saya duduk lebih pada tiga tahun. Saya masuk arr...saya sempat hantar dua cerpen. Satu menang penghargaan ja, 500 ringgit. Sikitnya...tulis macam nak mati.

Nur Amalina dan Siti Hahaha...

Nur' Ain

Cikgu Amer

Tapi projek tu dia ambik cerpen saya jadi judul antalogi. Saya tak ingat kat mana buku tu. Buku banyak sebenarnya (sebenarnya), tapi kena cari la. Ha ni. (Cikgu Amer mencari buku- bukunya di rak). Ini ada satu- satunya. Nak jual 20 ribu kalau bagi.

Nur Amalina

Tajuk ni diambil sebagai judul untuk antalogi? Caturrangga.

Cikgu Amer

Ya. Caturrangga ni cerpen saya. Jadi dijadikan judul untuk antologi oleh Dewan Bahasa. Dewan Bahasa bayar kat saya 150 ringgit, duit

hadiah 500 ringgit. Itu lah dapat. Kali pertama dapat duit.

Nur Amalina Kiranya dia ambik ape...Caturrangga tu untuk, tapi dia guna untuk judul.

Cikgu Amer Ya, untuk jadi judul. 150 ringgit diorang bagi. Ini la projek dia. Kebanyakannya penduduk Sarawak la yang tulis. Dia tulis dalam ni. Err...surat khabar bayar berapa eh? Berita Harian bayar 80 ringgit kot tak silap saya tapi tahun, masa tu tahun berapa ni, 1998. 98, bukan...bukan. Buku ni diterbit 1999. Tak tau ada lagi ka. Dewan Bahasa pun saya tak tau. Jadi tu agak *rare* (jarang) la kalau orang nak 20 tahun lagi anak saya boleh jual mahal tu. Tak dak *copy* (salinan) dah.

Nur Amalina Tak dak *copy* (salin) dah. Dia ape, dia sama macam buku Komsas juga ke apa cikgu?

Cikgu Amer Mana yang mana?

Nur Amalina Caturrangga.

Cikgu Amer Caturrangga ni projek tau. Dia satu galakan untuk penulis baru dan saya tengok ramai yang kekal sebagai penulis dan ada yang jadi penulis besar sekarang dengan projek ni ja. Sebab tu dia panggil tu Err...Projek Hadiah Galakan Sastera Kenyalang Cerpen dan Puisi.

Ada pun penulis- penulis dia sampai sekarang adalah penulis yang hebat. Bagus ni. Dan saya rasa bangga sebab judul saya dijadikan judul antologi.

Nur Amalina Kiranya sama jugak la, kira apa kalau dekat Sarawak ada dekat sini pun ada jugak benda tu kan?

Cikgu Amer Sini eh?

Nur Amalina Apa, dia punya pertandingan macam tu.

Cikgu Amer Tak da.

Nur Amalina Kat sini tak da.

Cikgu Amer Tapi sini dia macam sayembara. Sayembara ni sapa- sapa (sesiapa) boleh masuk. Seluruh Malaysia kan masuk. Yang ini arr...penduduk Sarawak atau bermastautin. Makna bermastautin ni bila seorang tu duduk tiga tahun keatas dia akan dapat bermastautin. Tidak saya tak boleh masuk ni pertandingan ni. Syarat pertandingan. Tapi kalau yang ini sapa- sapa boleh masuk ni. Tu yang, empat tu yang menang. (Cikgu Amer menunjukkan koleksi buku- bukunya yang menang dalam pertandingan yang disertainya).

- Nur Amalina** Empat tu yang menang.
- Cikgu Amer** Sebenarnya lima, saya tak sempat buat. Yang baru tu. Yang baru, yang ni tak sempat buat *frame* (bingkai). Saja ja tak dak keja. Ini yang terbaru. (Cikgu Amer menunjukkan buku terbaru yang memenangi tempat pertama). Tempat pertama juga ni.
- Nur Amalina** Larut.
- Cikgu Amer** Ya, Mengukir Larut. Tapi hadiah lapan ribu. 165 muka surat. Novel saya paling nipis.
- Nur Amalina** Novel remaja juga la.
- Ciku Amer** Ini dapat lapan ribu. Yang itu, yang ini 15 hadiah pertama.
- Siti Nur' Ain** Yang ni yang baru Cikgu menang?
- Nur Amalina** Yang baru Cikgu menang tahun ni kan? Ada yang keluar surat khabar.
- Cikgu Amer** Ha tu. Haa...musim pertama. Sains fiksiyen.Saya menang.Yang itu musim kedua tapi dapat sagu hati, ID. Kemudian saya tak masuk

sampai sekarang. Saya duk cadang tahun ni saya nak masuk juga.

Nur Amalina Kiranya cikgu dah ada penulisan dah ada start (mula) la, kiranya dah buat cerita baru ar sekarang?

Cikgu Amer Saya nak tulis tiga tahun ni.

Nur Amalina Oh, sempat ke?

Cikgu Amer InsyaAllah. Hahaha (ketawa). Cehh, macam serius ja tak? Sebenarnya menulis ni, menulis ni macam nak jadi penulis yang bukan kata yang berjaya yang baik, kita kena ada disiplin. Makna kita ada waktu menulis. Macam saya siang saya tak menulis. Jarang.

Siti Nur' Ain Malam?

Nur Amalina Waktu malam.

Cikgu Amer Jarang sangat kecuali contoh kata la semalam saya tak tulis, hari ni saya kena tulis. Sebab saya nak kena penuhkan jadual. Bukan jadual, saya punya target. Satu novel katakan saya nak tulis dalam...menulis tau bukan cari idea. Menulis saja, kata 40 hari menulis saja. Taip. Benda dah ada taip kan ja. 40, 45 hari. Tapi nak dapat idea tu yang makan masa lama. Contoh Kembara Amira ni saya ambik banyak

bulan ni. Tujuh, lapan bulan. Kala Yuda...saya sebenarnya kalau orang kata ni penulis yang *slow* (perlahan). Lambat. Sebab saya bukan sepenuh masa, saya ada kerja.Pagi jadi cikgu, balik jadi ayah lepas tu jadi suami. Kan? Malam ja baru saya jadi penulis. Jadi, contoh kata kan malam saya ambik lapan hingga dua belas, baru berapa jam.

Nur Amalina

Empat jam.

Cikgu Amer

Nak jawab apa whatsapp lagi. Nak tulis dekat FB (facebook) lagi.Banyak keja.Itu adalah gangguan- gangguan tapi bagus. Bagi saya bukan gangguan dia...paling tidak saya tak jemu duduk depan *laptop* (komputer riba). Kamu bayang lama sangat jemu, bosan.

Nur Amalina

Bosan juga kadang- kadang.

Cikgu Amer

Dengar ceramah lagi. Pasang ceramah Ustaz Samsuri, dengar lagu.Semua dalam masa empat jam.

Nur Amalina

Dalam masa empat jam, siap tak siap.

Cikgu Amer

Ya. Tidak kita akan jadi jemu, bosan.

Nur Amalina

Apa ni macam nak dapatkan satu idea tu memang kena macam cikgu

cakap ambik lama masa tapi macam mana memang okay. Macam cikgu kan dapat idea macam okay ke dengan cerita aku. Macam mana cikgu buat tapisan idea ke macam idea terus tulis ke macam mana?

Cikgu Amer

Baik. Dia berbeza tau. Novel yang nak masuk pertandingan dengan bukan pertandingan. saya tulis juga novel bukan pertandingan. Satu atas pertandingan. Kadang- kadang editor, editor penerbitan dia hubungi “Cikgu ada slot kosong”. Maksud slot macam ni tau err...setahun tu 12 bulan tu syarikat tu nak keluar nak terbitkan berapa buah novel. Kata contohnya kita ambik mudah lah kata 12 bulan 12 novel tiba- tiba bulan September kosong, kosong tak dak (tiada) lagi. Diorang untuk tahun depan tahun dah rancang siap tau. 2017, 2018 dah siap. adi diorang kata “Cikgu, cikgu ada manuskrip? Saya biasanya tak dak tapi jawab ada, “Ada.” “Ok, boleh Cikgu hantar?” Boleh. Wahh, jawapan mesti nampak confident (yakin). “Tapi bagi saya boleh dak, arr...dua bulan? saya nak edit la”. Sebenarnya tak tulis apa lagi pun. Nak edit la, nak ni la, (nak ini la) nak nu la (nak itu la). “Okey, okey cikgu hantar dengan segera”. *All right* (Baiklah). Melengung- melengung cari idea apa, tulis.

Nur Amalina

Selalu jumpa idea tu *time* (waktu) bila? Tak kisah.

Cikgu Amer

Idea bila- bila masa.

Nur Amalina

Bila- bila masa.

Cikgu Amer

Saya biasanya idea ni bila saya letih. Saya letih, kata la saya *drive* (memandu) pergi KL (Kuala Lumpur), balik. Haa...masa tu idea banyak. Itu saya panggil 'Boom' idea. Letupan idea. Contoh yang saya tulis sekarang ni arr...sains fiksyen. Sebenarnya saya tak mau masuk dah sains fiksyen ni sebab bab royalti. Saya tak dapat royalti dua- dua buku. Satu sen tak dapat. Tiba- tiba saya dapat satu idea 'Boom'. Idea 'Boom', idea 'Boom tu keseluruhan cerita. Ada setengah idea sikit, sikit, sikit, sikit. Idea 'Boom' itu seluruh cerita A sampai Z. Jadi saya ambik masa untuk tulis balik la. Faham dak?

Nur Amalina

Faham- faham.

Cikgu Amer

Dan saya tak akan catat. Saya Allah bagi. Haa...saya kata Allah la.Allah bagi keistimewaan pada saya, saya tak perlu nak tidur, ahh...teringat bangun catat- catat. Tak payah. Kadang pukul tiga pagi terjaga, ada idea.Saya dak, dak. Tidur, tidur terus. Tidur mampus (tidur lena). Kerja saya mula besok pagi sampai subuh kata. Allah bagi kat saya yang tu. Saya bersyukur sangat- sangat. Setengah penulis dia akan catat. Catat...bawa beg ada buku macam- macam catat. Saya tak perlu. Alhamdulillah saya tak perlu catat dan tak pernah diganggu waktu tidur. Boom tidur, tidur terus.Ambik kau.

Nur Amalina

Kiranya masa boom idea tu memang...

Cikgu Amer

Jadi, ahh...boom. Dia...makna idea, 'Boom' idea ni dia mari seketul

terus. Macam buku. Macam ni satu ketul (Cikgu Amer menunjukkan bukunya).

Nur Amalina Nampak dari permulaan sampai habis.

Cikgu Amer Jadi saya cuma perlu tafsir. Ha, ha, saya Cuma perlu taip untuk keluarkan idea. Ada idea yang mari sikit, sikit, sikit, sikit.

Nur Amalina Kira cerita yang ni, cerita yang tengah buat sekarang ni 'Boom' idea la?

Cikgu Amer Ya. Tapi saya berhenti sekejap sebab arr...15 hari bulan, hari ni...berapa hari bulan?

Nur Amalina Hari ni 10.

Cikgu Amer Ha...15 hari bulan ni Berita Harian akan keluarkan satu iklan sayembara. Ni cari duit ceritanya. Cari duit. Menulis ni cari duit bukannya seronok- seronok ni. Kalau seronok- seronok saya tak menulis, teruk. Tak bercampur dengan orang. Betul. Kadang- kadang nak pi kenduri, alah...malam orang panggil tahlil, alamak. Mak na waktu menulis kita dah lari. Apa saya nak...haa, berita harian ni saya dapat maklumat dari seorang pegawai Dewan Bahasa, minggu lepas

dia hantar *whatsapp* dia kata “cikgu ada pertandingan. Berita Harian akan anjur satu pertandingan novel remaja dengan novel kanak-kanak”. Jadi bila saya ‘Boom’ novel remaja, saya *stop* (berhenti) sains fiksyen saya sekejap say nak fokus pada Berita Harian sebab tarikh tutupnya bulan Oktober tau. Makna sekarang dah bulan lima. Lima bulan ja untuk tulis. Saya ni *slower* (perlahan), jenuh saya. Jadi saya tulis dulu. Contoh yang baru ni say tulis dah masuk bab lima. Iklan belum keluar, berani ja buat. Kalau iklan keluar, Allah...tak betul tak masuk. Tema, tema. Kadang dia bagi tema. Kadang dia tak bagi tema. Bebas, cuma sesuai untuk remaja. Jadi saya harap- harap tak dak tema. Tak dak tema. Kalau dia kata ada tema macam ni, macam ni. Ha...saya tak buat. Sebab saya tak tulis bab lima dah. Dalam berapa hari tak tau, tiga, empat hari. Saya nak bagi siap tu sebab lepas tu saya nak tumpu dalam masa lima bulan novel kanak-kanak. Novel kanak-kanak dah ada dah cerita dia cuma nak mengarang ja la. Jadi yang ‘Boom’ tu adalah sains fiksyen, saya tak tulis lagi. Saya berhenti bab berapa...? Boleh gila tau.

Nur Amalina Banyak juga Cikgu. Kira tiga cerita.

Cikgu Amer Hampa nak buat *assignment* (tugasan) pun hampa menangis ni. Hahaha.

Nur Amalina Tiga cerita la kan sekarang ni?

Cikgu Amer Nak siap *assignment* (tugasan) buka ‘Google’ ambik *copy paste*, *copy*

paste. Ala...macam la aku tak tahu.

Nur Amalina dan Siti Hahaha.

Nur' Ain

Cikgu Amer *Copy*, yang mana ni tak boleh dapat. Selalu *assignment* berapa muka surat? Err...biasa berapa eh? Saya dah lupa.10, 15.

Nur Amalina Paling...paling biasa la. 10, 15.

Cikgu Amer Alamak tak cukup lagi. Buka pak cik 'Google'. Tanya habis. *Copy*, *copy* masuk habis Bahasa Indonesia. Itu realiti *student* (pelajar).

Nur Amalina Tak dinafikan memang macam tu.

Cikgu Amer Yang ini, tak dak apa. Kosong bina. Seronok. Kadang isteri saya pun kata, "Aik bila abang tulis". Siap dah. Siap. Jadi dia kadang bila, bila kita idea untuk pertandingan lain tau. Dia kena ada...saya pun tak tau la tapi dia kena ada satu yang akan menarik minat panel. Bila panel baca apa manuskrip kita tu kena ada sesuatu yang menarik bagi depa la. Macam saya, saya rasa macam ni saya tulis biasa ja. Kisah ja. Kisah Ibrahim ja. Saya pun tak tau boleh menang, tiba-tiba boleh menang. Syukur Alhamdulillah. Dan untuk penulisan biasa kita tak perlu benda tu. Sekadar tulis penulisan biasa saja. Ada dua, dua novel, tiga novel. Err...penulisan biasa.

- Nur Amalina** Kiranya yang tu macam yang tak da tema la tu?
- Cikgu Amer** Ya. Dia, dia.
- Nur Amalina** Banyak juga yang tu.
- Cikgu Amer** Yang ni pertandingan juga. Yang ni pertandingan besaq (besar). Makna yang masuk, yang masuk tu hebat- hebat tu. Itu dapat penghargaan ja. Macam ni atas permintaan (Cikgu Amer menunjukkan buku Empayar). Empayar. Agak tebal saya tulis. Ini pun permintaan. Permintaan, makna cerita dalam tu yang tu ja la. Tiga ni adalah permintaan. Yang itu pertandingan lain. Pertandingan dia kena cari satu benda yang boleh menarik panel tapi Alhamdulillah la, setakat ni saya masuk pertandingan... 1, 2, 3, 4, 5 dengan Kembara Amira... Eh, mana lagi satu. Ha... tu (Cikgu Amer mencari buku hasil tulisannya yang ditunjukkan kepada kami). Saya masuk adalah *something* (sesuatu) hadiah kan. Tak satu, dua. Dua tak pernah, tiga tak pernah. Penghargaan dua. Dua penghargaan, tiga tempat pertama.
- Nur Amalina** Macam kan Cikgu cakap tadi setiap cerita yang Cikgu tulis tadi, Cikgu tulis tu *based on* (berdasarkan) kisah- kisah yang terjadi kan?
- Cikgu Amer** Ya.

- Nur Amalina** Macam Kembara Amira tu pasal yang Cikgu tengok cerita tu.
- Cikgu Amer** Ya, ya.
- Nur Amalina** Kalau macam Kala Yuda?
- Cikgu Amer** Okay. Projek Kala Yuda ni dia sebenarnya tak arr...berdasarkan mana- mana cerita sebab dia cerita yang melibatkan sains fiksyen. Sains fiksyen kita andaikan apa yang akan berlaku, mungkin 100 tahun akan datang, 200 tahun akan datang tapi dia kena ada unsur-unsur sains dan teknologi tapi secara fiksyen. Makna fiksyen macam kita menonton 'StarWars' (sebuah filem Inggeris). 'StarWars tu takkan berlaku secara realiti tak akan berlaku.Tapi ada unsur- unsur sains yang penulis tulis tu dah ada sekarang. Memang wujud sekarang kan? Contoh kalau kita menonton arr...ni, 'Star Trek'. Telefon, *mobile phone* (telefon bimbit) yang kita guna sekarang tu, pereka pertama tu adalah kerana dia menonton 'Star Trek'. 'Star Trek' hubungan mereka tu dengan satu alat, kalau sekarang ni dia panggil apa? Tak dak dah telefon tu. Yang boleh bukak tu *flip* (lipat).
- Nur Amalina** *Flip Phone* (telefon lipat).
- Cikgu Amer** Ha. Flip Phone tu kan. Dulu 'Motorola' apa tu kan. 'Pap' dia boleh cakap. Itu pencipta, dikatakan pencipta mobile phone, dia tengok itu, benda tu untuk dihasilkan. Makna itu bukan fiksyen. Dulu fiksyen tapi

sekarang adalah realiti, realiti. Jadi saya harap apa yang saya tulis-tulis tu suatu hari nanti jadi realiti, saya pun tak tau. Jadi tak semuanya yang tulis itu berdasarkan realiti semasa. Sains fiksyen tak boleh la. Sains fiksyen tu masa depan kita tak tahu apa akan berlaku masa depan kan? Contoh kalau kita kata, kalau 20 tahun, 30 tahun dulu apa ni penulis sains fiksyen diandaikan manusia akan sampai ke Marikh dan dia andai Marikh, dia pun tak tau Marikh tu macam mana. Dia buat andaian ja la, andaian sebab tak dak satu benda lagi sampai ke Marikh. Marikh tu planet warna merah. Dia merahkan semua. Buat filem merah semua. Tak dak dah kaler (warna) lain. Tapi sekarang dah ada dah apa kita panggil prop. Prop ni apa ni, kapal angkasa tanpa manusia dah mendarat dah. Lima, enam biji dah mendarat di situ buat kajian ambil, ambil sample (sampel/ contoh) hantar ke bumi. Makna, itu bukan fiksyen lagi itu adalah realiti. Tapi dulu adalah fiksyen. Orang kata mana ada orang pergi Marikh. Nak terbang pun ambil masa bertahun-tahun kan? Jadi, saintis dia tak hantar manusia, dia hantar dalam bentuk robot. Kapal itu sendiri jadi robot ambil sample hantar ke bumi, terus hantar dia punya kajian. Jadi, dulu fiksyen sekarang realiti. Ha, tu beza dia tu.

Nur Amalina

Kira macam, kiranya. Cuma sekarang ni macam mana nak tahu macam Cikgu dapat idea tu macam mana? Macam pandangan cikgu memang jauh err...kiranya masa tulis Kala Yuda ni? Ke ada menonton 'StarWars ke?

Cikgu Amer

Tak da, tak da. Dia macam ni tau projek Kala Yuda, ha...saya nak bagi tahu dulu, projek sains fiksyen ini, Malaysia ni pelik sikit. Sains fiksyen dia mesti realiti. Tak boleh khayalan, 'StarWars' khayalan.

‘StarWars’ tu contoh, contoh saya kata khayalan dan tak menepati apa ni...ciri-ciri apa fizik ka apa? Sebab diluar pada ni angkasa ni, angkasa yang diluar apa ni yang dikata bumi yang dia kata apa ni atmosfera yang tutup bumi tu, diluar tu adalah kawasan vakum dia panggil. Jadi kawasan vakum dia tak dak oksigen, bila tak dak oksigen letupan tak boleh berlaku.

Nur Amalina

Kalau ikut sains.

Cikgu Amer

Ya. Sains. Kalau kita tengok ‘StarWars’ dia perang pom, pom, pom pom, pom, pom meletup. Itu dah menyalahi hukum Fizik, hukum sains. Memang tak boleh terbakar tak boleh meletup. Faham dak kamu pun dulu mungkin belajar sains juga. Sayembara ni dia tak mau macam tu dia nak realiti mengikut hukum sains. Jadi penulis bila dia tulis kemukan satu teori baru tentang sains, diorang akan tak boleh terima kan. Contoh dalam ID, saya tau ID ni mungkin salah satu faktor, kerana saya rasa ID lebih baik daripada Kala Yuda. ID ni tak boleh menang apabila saya kemukakan satu teori bagaimana manusia suatu hari nanti tak tinggal di bumi, tinggal di luar dan macam mana mereka mendapat tenaga. Ni tenaga ni. Kita sekarang kita ada tenaga sebab tenaga kita 90% *based on* (berdasarkan) petrol. Di planet lain ada ka petrol? Tak da. Beto dak (betul tak)? Ada, tak dak di planet lain. Agak- agak kamu la. Tanya dulu.

Nur Amalina

Rasanya tak da lagi kalau jumpa yang ada yang saya baca yang jumpa air di planet lain tu ada. Ha tu ja la.

Cikgu Amer

Ya. Okay. Sebab, hak ni baru nak jawab ni. Saya pun, saya guru sejarah ni. Petrol tidak boleh dijumpai di mana- mana planet selain bumi sebab kejadian petrol itu sendiri. Petrol ini apa dia panggil minyak la senang kita sebut. Minyak yang terbentuk adalah hasil daripada pereputan err...kehidupan. tumbuh- tumbuhan masuk dalam, terserap dalam bumi berlaku proses apa- apa ni, dia bertukar menjadi tenaga. Planet lain mana ada hidupan. Jadi petrol tak dak. Jadi saya buat satu dalam ID saya buat satu...sorang ahli sains dia cipta satu sumber tenaga ini dengan menggunakan kunang- kunang. Tau kunang- kunang? Apa tu kelip- kelip la kalau kot Kedah ni panggil kelip- kelip. Macam mana kelip- kelip ini boleh menghasilkan cahaya dari badan. Dia tak guna alat bakar, dia tak guna petrol, tak guna apa tapi dia boleh hasil dengan dengan campuran bahan kimia. Saya buat la, saya tulis la dalam tu. Jadi, panel mula mempertikai. "Dia kata cikgu boleh ka? Ni dah macam fantasi". Saya kata dengaq (dengar) fantasi habis la. ID.

Nur Amalina

Kira macam tak menepati prosedur.

Cikgu Amer

Ha. Dia tak mau fantasi. Jadi saya pun tak mau lawan la dengan panel. Okay la, setuju je la.

Nur Amalina

Hahaha (ketawa). Setuju ja la.

Cikgu Amer

Setuju ja la. Jadi dia ada macam sains fiksyen di Malaysia ni,

buku...buku ja la dia ada sekatan dia dan dia tak boleh melawan kuasa Allah. Ha, tu yang paling kuat sebab tu penulis semua tak boleh buat cerita pengembaraan masa. Back to err...

Nur Amalina

Back to past.

Cikgu Amer

Kembali ke masa lepas. Contoh saya ni, saya ni...ish kalau aku jadi penulis bagus. Eh, pelukis kan. Saya kembalikan pada tahun yang saya pegi *interview* (temuduga) tu, saya tolak apa...tak isi borang untuk mohon maktab ka macam tu. Itu dah menyalahi, apa ni kita hukum Allah. Allah dah tentukan dah ini dia. Jadi tak boleh tapi dalam cerita 'Mat Saleh' (orang Inggeris) dia tolak, tuhan dia buang terus. Jadi dia buat cerita merepek la, kembali, perbetulkan. Kalau kamu tengok 'Back to the Future' (Filem Inggeris) tu betulkan balik mak (emak) dia, pak (bapa) dia supaya dia jadi orang yang berjaya. Ha, tak boleh. Memang tak boleh tapi bolehkah kembali ke masa lalu?

Nur Amalina

Lagi la tak boleh.

Cikgu Amer

Boleh tak? Tak tahu, saya pun tak tahu. Tapi untuk ke masa depan boleh. Sudah ada teori- teori mengatakan manusia boleh pergi ke...dia panggil *time travel* (pengembaraan masa).

Nur Amalina dan Siti

Haa (Ya).

Nur' Ain

Cikgu Amer

Ada setengah- setengah tu mengaku 'CCTV' (kamera litar bertutup) tu ambik *time traveler* (pengembaraan masa). Saya pun tak tau betul ka tak betul, kan? Ada gambar- gambar tahun 30an apa...orang bercakap seolah- olah menggunakan *handphone* (telefon bimbit). Dalam satu filem 'Charlie Chaplin'.

Nur Amalina

Haa (Ya).

Cikgu Amer

Satu *scene* (babak) yang cukup pendek, sorang pelakon disini, sorang perempuan berjalan di belakang sambil pegang macam tu (Cikgu Amer sedang menggayakan watak yang memegang telefon) bercakap sesuatu dan itu mengejutkan, mengatakan perempuan itu kemungkinan adalah manusia yang masa depan pegi ke masa itu sebab zaman tu *handphone*, telefon tak ada lagi.

Nur Amalina

Tak ada lagi.

Cikgu Amer

Telefon tak ada lagi.

Nur Amalina

'Charlie Chaplin' cerita dah lama.

Cikgu Amer

Haa, lama tahun 30an. Kemudian ada gambar seorang lelaki memakai cermin kaca mata hitam. Jadi pengkaji dia tengok bilakah kaca mata hitam mula- mula dikeluarkan untuk di pasar. Sebelum tu lagi dah ada dah orang, gambar satu lelaki pakai. Jadi adakah dia ini *time traveler* ataupun adakah ini adalah penipuan la diorang buat gambar tu balik. Kita pun tak tau. Jadi benda ini seronok bagi macam saya menulis, seronok la merapu. Tapi syarat dia tak akan berlaku. Tak akan berlaku. Contoh pemindahan err...pemindahan manusia, *teleport* ni, ok dia disini dan...

Nur Amalina

Nak ke satu tempat.

Cikgu Amer

Dia punya...apa kita panggil kita punya badan ni jisim ka apa tu dilaraikan pindah ke sana. Boleh ka? Tapi yang terbaru mengatakan belum diuji ke atas hidupan binatang atau manusia. Tapi barang dah boleh dipindahkan. Dah ada dah orang, ahli sains dah boleh buat dah.

ur Amalina

Kiranya benda tu memang dah ada la sekarang ni.

Cikgu Amer

Ha, dah ada, dah ada teknologi tu cuma belum diuji ke atas hidupan. Hidupan maksud tumbuhan ka, haiwan ka, manusia. Tapi atas objek dah ada orang boleh buat. Makna dulu adalah fantasi sekarang realiti, realiti. Dan benda itu dia tiru dari filem 'Star Trek'. 'Star Trek' dia pindah, transfer (pemindahan).

- Nur Amalina** Kalau ada hari- hari balik Kelantan. Hahaha.
- Cikgu Amer** Hahaha (ketawa)... panjang jugak saya cakap.
- Nur Amalina** Tak pa.
- Cikgu Amer** Okay, okay...Okay, apa lagi nak tanya.
- Nur Amalina** Macam untuk satu- satu apa, penulisan macam mana Cikgu tentukan tajuk dia. Tajuk tu 'Boom idea' juga ke? Ke memang based on (berdasarkan) memang dah ada idea?
- Cikgu Amer** Okay. Oh, hujan. Okay, tajuk...baik. Tajuk adalah benda akhir. Kalau saya menulis tajuk adalah yang akhir yang saya akan pilih. Biasanya ada dua, tiga tajuk la. Contoh katakan apa ya saya nak bagi contoh. Contoh ni, saya cukup segan ni, Krisandra dan Cinta yang Lara ni (Cikgu Amer menunjukkan bukunya, Krisandra dan Cinta yang Lara). Saya punya judul 'Lara' ja. Jadi editor telefon, "Cikgu, ala...Cikgu simple (mudah) sangat la. Cikgu saya nak tukaq (tukar) boleh dak?" Okay. Jadi dia kemukakan watak ni nama Krisandra lepas tu dia tambah dan cinta. Saya sebenarnya Lara. Jadi Krisandra dan Cinta Yang Lara. Sekarang saya nak sebut nama, judul buku ni pun segan pasal ada perkataan cinta.
- Nur Amalina** Ohh.

Cikgu Amer

Kan. Jadi dah macam nampak orang muda punya cerita ni. Ini terus dipilih editor. Mengukir larut, saya guna perkataan larut ni ikut ejaan British dulu, L. A. R. O. O. T kan. Macam pulau la, Pulau Pinang dia tak tulis Pulau Pinang, Pulo. P. U. L. O. Editor, ni editor. Editor syorkan tulis 'Larut'. Jadi saya, dia kadang semasa proses menulis tu judul- judul tu akan sampai, bagi saya la. Bukan dari awal kata nak tulis projek tu tak dak, tak dak judul lagi. Tak dak lagi. Tapi masa sepanjang tulis oh...ni sesuai. Ha...catat la tang (di) mana- mana dulu. Cadangan, ini cadangan, ini cadangan dia.

Nur Amalina

Kiranya macam tak complete (lengkap) la, macam tak fully complete (lengkap sepenuhnya) la.

Cikgu Amer

Ya, ya. Sehingga dihantar. Dah siap untuk hantar baru ambil judul yang rasa agak sepadan. Yang mana...ha, ini la dua ni. Dua ni yang... (Cikgu Amer menunjukkan buku- buku yang judulnya ditentukan oleh editor). Yang lain adalah judul dari saya terus tak da perubahan.

Nur Amalina

Memang Cikgu tahu la nak letak apa.

Cikgu Amer

Ya. Yang lain semua confirm (muktamad) dari saya. Dan proses menjudulkan dia tu sepanjang proses saya menulis la sehingga yang akhir saya kata, saya rasa, Oh! Yang ni yang apa ni saya suka dan judul tak semestinya mencerminkan kandungan dia. Macam saya la kan. Judul macam Kala Yuda tu, Kala tu apa, Yuda tu apa. Kala tu detik, Yuda tu perang. Detik perang kalau dalam bahasa kita la. Tak

sedap. Saya bubuh (letak) la Kala Yuda. Kala Yuda, Kala Yuda. Kala tu rupanya kala senja petang tu kan waktu, detik, masa. Yuda ni Sanskrit. Bahasa Sanskrit tapi ada dalam kamus. Kamus Dewan iktiraf. Yuda, Yuda adalah maksud berperang. Tapi kadang- kadang susah jugak nak menjudulkannya. Jadi ambil masa la sepanjang penulisan tu kita duk tengok nama.

Nur Amalina

Macam cerpen Caturrangga tu memang *based on* (berdasarkan) cerita tu la, Caturrangga?

Cikgu Amer

Caturrangga ini permainan catur yang diberi setiap buah catur tu saya beri watak. Masa tu di Afrika Selatan sedang diamalkan satu dasar membezakan warna kulit. Apatik, apatik, apatik. Jadi mungkin idea la kot masa tu. Masa tu muda lagi baru umur 20an otak kuat lagi. Jadi saya andaikan, apa kata kisah tu berlaku diatas papan catur. Papan catur dia ada 'King', 'Queen', 'Bishop', ketua agama kemudian dia ada apa dia panggil, 'Rook' apa, 'Rook', kota kemudian dia ada beberapa tentera. Jadi saya main itu lah. Saya berikan watak, saya berikan watak yang bernyawa. Adakah caturrangga ini adalah satu lambang terhadap dasar 'Apatik' yang diamalkan di Afrika Selatan iaitu membezakan warna kulit. Buah tu hitam, putih kan? Masa tu kira otak bagus masa tu. Saya tulis ja la. Okay, ada lagi soalan? Banyaknya soalan.

Nur Amalina

Banyak, memang banyak. Macam tadi err...jap (sekejap). Macam pendapat Cikgu, macam mana Cikgu nak bagi setiap novel yang Cikgu tulis ni memberi impak kepada pembaca. Terutama kan banyak Cikgu

tulis untuk remaja kan. Macam Cikgu nak *make sure* (memastikan) err...nak pastikan dia punya apa...Cikgu punya penulisan tu memberikan kesan la. Kesan positif kepada pembaca.

Cikgu Amer

Baik. Jadi bersesuaian la dengan...saya minat sangat menulis novel remaja ni. Satu sebab dia muda. Kemudian saya hidup dalam kalangan remaja. Pelajar- pelajar sekolah saya semua remaja kan. Jadi dari situ kita boleh, apa yang kita, apa yang kita nak sampaikan kepada pelajar kita itu yang saya tulis dalam buku. Contoh Kembara Amira tu kalau, kalau dikaji secara err...secara apa yang saya hendak. Hubungan antara remaja dengan ibu bapa dia, ibu bapa dia. Sebab sekarang ni anak- anak berhubung dengan ibu bapa tu macam mana. Berhubung, ini cerita dulu perhubungan dia. Kadang anak- anak dia hantar teks kepada ibu bapa. Bagi saya yang pernah hidup zaman dulu agak tidak sesuai seorang anak teks kepada bapanya tapi anak saya pun buat dan saya pun balas tu yang geram tu. Cakap tak supa bikin. Kalau dulu kita berkomunikasi. Kata nak minta duit ja, *direct* (terus) komunikasi. Tak da la kita tulis surat. Kehadapan Ayahanda, minta duit sikit. Tapi sekarang saya duduk di sini, anak saya akan *send* (hantar) teks kepada saya. Kan? Lain la macam kamu duduk di luar jauh macam tu kan. Tapi bagi saya seorang anak dia sepatutnya bercakap. 'Hello ayah apa habaq (apa khabar)', katanya. Dan itu yang dalam Kembara Amira ni saya nak macam tu. Macam mana anak amat memerlukan ibu bapa dan bagaimana ibu bapa amat memerlukan anak dia dalam pelbagai situasi, itu ja yang saya tulis. Kalau yang kaji...kamu tak kaji kamu negeri lain.

Nur Amalina

Saya negeri lain. Dia dua orang.

Cikgu Amer Kaji? (Cikgu Amer bertanya kepada Ain Syahirah).Kamu mana? Penang? Penang ah?

Nur Amalina Perak.

Cikgu Amer Eh, Perak. Baca dak? Ka baca sinopsis. Jadi saya nak macam tu. Jadi bila saya tulis saya selalu memikirkan benda tu. Contoh macam Kala Yuda, dia bukan untuk remaja jadi saya tak perlu fikir benda tu. Tak perlu. Macam mengukir larut adalah untuk novel sejarah, tak perlu fikir. Konsep dia sejarah 100% tapi apabila masuk Hadiah Sastera memang fokus dia untuk remaja. Kemudian, dalam Kembara Amira ini watak- wataknya adalah dari pelbagai kaum. Ha ini satu daya penarik tau bila kita, ini rahsia tau bila kita menulis macam mana kita nak tackle (pikat). Panel tak semestinya Melayu 100 %.Panel pertandingan dia mesti ada orang bukan Melayu. Macam mana kita nak tarik perhatian dia. Ha, itu ha cara. Memikat dia dengan mewujudkan watak- watak yang bukan Melayu dalam cerita. Kalau Kembara Amira ni contohnya 'JC' (Jacinta, salah satu watak dalam Kembara Amira), Itai, orang asli. Orang asli saya tak beri seburuk- buruk perangai dia. Itai tu cerdik. Pelajar yang cerdik. Malah dia pernah menyertai satu pertandingan sains mewakili sekolah dia makna walaupun dia orang asli saya bagi dia satu kedudukan yang boleh jadi contoh kepada pelajar.

Nur Amalina Contoh kepada orang lain.

Cikgu Amer

Kepada golongan remaja. Ha, macam tu. Setengah orang dia timbulkan satu watak tu kena teruk-teruk. Jadi dalam Kembara Amira ni tak da satu watak pun yang boleh menyakitkan pembaca. Sehingga O'hara, O'hara ni saya wujudkan watak O'hara ni, dia ni...kamu tak tau diorang mungkin tau. O'hara ni dia mencari, dia adalah seorang err...penilai. Bila nak nilai di kawasan tu ada emas kita kena panggil sorang penilai untuk nilai logik dak dibuat lombong emas disini. Watak dia cukup...tapi kalau kita tengok ada orang kata, "Cikgu, O'hara ni telah pun merosakkan hutan dan sebagainya". Tapi editor dia, editor Kembara Amira ni nama dia Rozlan, Rozlan. Rozlan cukup tertarik dengan O'hara sehingga dia gunakan nama pena dia O'hara. O'hara. Saya marah saya kata O'hara tu aku punya pasai pa (pasal apa) hang pi ambik. Dia kata aku hendak. Dia guna Sean, Sean O'hara. Tapi Rozlan ni sekarang dah, dah Ketua di Jabatan Buku di ITBN. Dulu dia adalah editor saya. Makna editor dia akan hubungi. Orang yang menguruskan buku tu akan berhubung dengan kita selalu lah. Contoh dia akan hantar gambar, cover. "Ok Cikgu ni contoh. Oh! Saya nak ubah sikit la". Itu hubungan. Jadi novel saya ni berbagai-bagai editor ada. Yang itu, yang bawah tu apa tu Bedar Tanpa Laut tu, perempuan. Garang dia ni. Garang, 'cenge' (garang) tapi bagus. Seorang editor yang cukup bagus. Sekarang saya tunggu novel ke-11 saya. Dah lulus dah penerbitan. Saya *target* (sasar) sempat pesta buku baru ni tapi tak sempat mungkin bulan ni atau bulan depan kerana sekarang industri buku teruk merudum. Kuasa membeli sebab kamu. Dulu kamu, kamu dapat baucar buku. Sekarang tak da dah baucar buku, kad diskaun.

Nur Amalina

Ha' ah. Dia dapat kad, kad debit.

Cikgu Amer Ha, kan. Jadi kamu boleh beli lain. Dulu syarat dia beli buku kemudian kita tipu la. Ada kedai ok boleh beli la benda lain kan? Dia caj la beli buku tapi peratus *student* beli buku amat tinggi. Sebab tu pesta buku tuga, empat tahun lepas *income* (pendapatan) depa gila-gila. Pelajar dapat kertas ja baucar. Pergi dekat kaunter boleh dapat buku kan. Tapi sekarang bank rakyat yang baru Bank Rakyat. Anak saya pun tak mohon. Saya kata rugi. Berapa ratus? 400?

Nur Amalina dan Siti Nur' Ain Dua ratus setengah.

Cikgu Amer Dua ratus setengah.

Nur Amalina Tak dapat lagi.

Cikgu Amer Tak dapat lagi?

Nur Amalina Tak dapat lagi.

Cikgu Amer Saya tengok semalam pun heboh- heboh dah. Apa yang, anak saya yang matrik pun dah habis dah belajar. Tak pergi buat. Sayang saya kata 200. Saya semua mohon anak saya. Zakat saya mohon. Mohon zakat? Mohon, mohon. Huhh...orang kaya (merujuk kepada Ain Syahirah). Zakat, kamu ijazah ka ni...ijazah kan. Ijazah 1000 lebih. 1000 eh?

Siti Nur' Ain

1500 kat Kedah.

Cikgu Amer

1500 kan? Saya hari tu saya lupa anak saya yang matrik tu. Ha...terkeluar la sikit sembang bab lain. Tengok- tengok baru teringat.Jadi saya telefon pejabat zakat Kulim.Dia kata “Encik boleh lagi la sampai bulan 12 tahun lepas dengan syarat ada benda- benda ni lah, dokumen- dokumen.Saya pergi. Sekarang senang *download* (muat turun) dari internet. Isi, isi kamu tak perlu jumpa amil, kutip zakat. Anak saya yang sulung dengan dua kena jumpa diorang cop apa semua, pengesahan. La tak perlu dah. Saya pergi ja dua bulan dapat 1000 lebih. Ok la. Itu hak kita tau jangan kata...macam dia, dia tak mau duit. Sekurang- kurang macam anak sulung saya dia beli la laptop tapi saya tambah la. Laptop tak boleh beli dengan 1000 lebih. Hmm...saya mintak. Itu hak kamu. Apa soalan kamu, saya jawab gi tau.

Nur Amalina

Tak sampai lagi la.

Cikgu Amer

Tak sampai lagi. Aduh! Minum la ayaq (air) tu dulu ka.

Nur Amalina

Err...apa ni cikgu tak bagi lagi apa yang Cikgu nak impak macam mana kepada pembaca.

Cikgu Amer

Okay. Saya harap, contohnya Kembara Amira.Saya ambik Kembara Amira la. Kembara Amira ini dicetak 150 ribu bermakna 150 ribu

pelajar membacanya. Betul tak betul saya tak tau. 150 ribu ni saya harap ada satu peratusan selesai baca novel ini dia memberi satu pengajaran pada dia. Tak kira la dia ambik yang mana pun. Ada satu pengajaran, oh...Cikgu Amer tulis ni bagus la. Saya andai ja la walau kamu meluat pun baca- baca ada impak, boring, bosannya. Ha...macam tu. Contoh, semasa saya pergi satu perpustakaan di Kulim, Perpustakaan Kulim. Saya dulu saya rajin pergi perpustakaan, jarang guna Google- google ni. Ada pelajar India, perempuan 2, 3 orang, Sekolah Menengah Badlishah. "Tengok- tengok, eh! Ini Cikgu Amer ka?" Aik...rupanya diorang perasan kot muka dekat buku. Saya tanya dia apa watak yang paling kuat dalam diri kamu bila baca Kembara Amira. Dia pilih satu watak iaitu Tau. Ha...depa tau, depa tau hang tak tau. Watak tu nama Tau sebab saya tak tau nak boh nama apa saya boh Tau ja. Taip, taip...apa aku nak bubuh. Nama orang asli susah cari dekat 'Google' pun tak dak. Saya suka cari kat 'Google' nama orang asli. Apa ni, tak tau nak buh apa bubuh Tau ja T. A. U. (Cikgu Amer mengeja nama Tau). Dia kata Tau. Sebab apa Tau. Saya tanya sebab apa dalam banyak- banyak kenapa tak pilih Itai ka? Amira ka? Kenapa Tau? Dia kata Tau adalah satu watak yang memberi kesan cukup besar saya. Uikk! Hebat ni. Tapi kalau di Kulim Sekolah Badlishah pelajar hebat- hebat la...Dia tau la (Cikgu Amer berinteraksi dengan Siti Nur' Ain). Pasai dia sekolah kluster. Lepas tu saya kata sebab apa? "Dia kata Cikgu Amer", ni pelajar India ni, perempuan. Tau ni dia kata, Cikgu, Tau ni...saya simpati dengan dia. Isteri dia lari, anak dia hilang kemudian Tau...Tau, Tau...Tau, Tau. Tau tahu Itai itu adalah anak dia tapi dia dapat tahan. Oh! Bagus pelajar India ni. Bagus betul, saya kagum. Kalau pelajar Melayu lain, pelajar India perempuan. Ingat lagi, kawan- kawan dia gelak ada empat, lima orang. Dia kata Tau ni sifatnya amat kuat dan saya patut jadikan Tau ni sebagai idola walaupun hidup ini penuh cabaran apa,

oh! pandai pula dia ceramahkan aku. Aku pun dengaq ohh...bagusnya. Seronok. Hahaha. Sedangkan saya *target* (sasar) ada la orang ambil watak Amira ka, seorang yang pintar, seorang yang...

Nur Amalina dan Siti Berani

Nur' Ain

Cikgu Amer

Kuat, bersukan, banyak la. Fikiran dia agak matang walaupun umur dia baru dalam 16 ataupun 17 tahun. Dia pilih Tau yang duduk dalam hutan sorang- sorang. Ha, sapa sangka. Saya sangka benda lain dan dia baca. Dia ambil benda lain. "Dia kata Tau, Cikgu Tau ni semangat dia cukup kuat". Saya dah mula, oh...hebat budak ni kata. Jadi bila kamu tanya impak, begitu lah impak dia. Kan, impak dia. Contoh bila saya kata arr...saya perkenalkan watak Amira tu walaupun dia, dia orang kata aktif begitu tapi dia masih lagi ada had- had dia. Had- had. Dan dalam Kembara Amira tidak ada langsung unsur- unsur percintaan antara remaja. Sedangkan itu adalah satu yang logik kan? Remaja umuq 14, 15, 16, 17 ni cukup cepat terlibat dalam percintaan. Saya pernah remaja, kamu pernah remaja kamu tau. Dan tak da sorang pun yang baca novel saya mempertikaikan, Cikgu cerita cikgu langsung tak logik tidak ada langsung nilai percintaan dalam tu. Jadi pelajar tak pertikai saya selamat la tidak saya jenuh jawab tu. Saya nak jawab macam mana saya nak jawab ni. Susah ni tapi biasa la penulis dia pandai dia akan guna la. Betul tak da sorang pun, "Cikgu tak logik, Amira takkan tak jatuh hati dengan err...Sabi, JC. Takkan la, tapi JC dia suka apa tu pembantu Zaidah. Dr apa saya pun lupa dah. Hari tu saya tulis. Pembantu Zaidah ni Dr...ha, banyak sangat watak. Lupa. Ha, Dr. '*something*' la. Lupa. Dan sebenarnya saya nak buat sambungan dia. Sambungan dia.

- Nur Amalina** Oh, sambungan dia.
- Cikgu Amer** Sambungan dia tu menceritakan tentang hubungan JC dengan...
- Nur Amalina** Dr. tu lah?
- Cikgu Amer** Ya, Dr. Kat belakang ni ada kot (Cikgu Amer mencari nama watak Dr. dalam Novel Kembara Amira). Saya tak ingat la Dr. tu nama apa tau. Tapi tak buat pun, tengok la nanti satu hari saya buat. Sebab saya tanya editor “kalau aku nak buat jugak macam Kembara Amira sambung”, syarat dia tak boleh guna judul yang sama.
- Nur Amalina** Oh, tak boleh guna judul sama.
- Cikgu Amer** Ha, kena ubah.
- Nur Amalina** Tak boleh letak Kembara Amira 2.
- Cikgu Amer** Ha, tak letak Kembara Amira 2 ka, tak boleh. Dia kata kena ubah. Jadi tunggu la, tak da idea lagi. Tulis pi la.
- Nur Amalina** Cikgu, kita *stop* (berhenti) jap nak sambung nak apa, nak buat kali

ketiga.

Cikgu Amer Okay, okay.

Sambungan rakaman yang ketiga

Nur Amalina Okay (baiklah) soalan seterusnya.

CikguAmer Soalan seterusnya.

Nur Amalina Macam tadi kita habis dekat impak, cikgu ada cakap pasal watak-watak dalam setiap novel, macam mana Cikgu... apani cikgu wujudkan satu karakter dalam setiap novel tu?

Cikgu Amer Okay (Baiklah)... Untuk bentuk watak kita perlu... Macam sayalah, saya tak tau penulis lain. Macam saya, saya bayangkan watak tu wujud sebenarnya. Jadi saya boleh gambarkan secara fizikal dan err dalaman dia. Contoh kalau nak tulis tentang remaja bagi saya sebagai seorang cikgu senang je, hidup saya dikelilingi oleh remaja. Senang! Yang baik, yang nakal, yang jahat kan. jadi agak mudah. Tapi... setengah pengkaji apabila dia baca novel ni (ini) jadi masalah apabila pengkaji baca. Dia baca-baca dia akan keluar *statement* (kenyataan) macam ni (ini) watak cikgu ni macam... kulit dengan err (berfikir)... kulit dengan tulang sahaja. Dalaman tak dak (tiada). Angin kita. Tapi

kritikan adalah baik untuk penulis. Maknanya selepas itu saya terpaksa berhati-hati. Jadi untuk membentuk watak itu, saya andaikan wujudlah, watak itu wujud. Contoh saya nak...nak gambarkan Amira tu macam mana, saya ambik Amira lah senang. Amira tu macam mana, dari segi penampilan diri dia, dari segi err (berfikir)... apa kita kata apa ya, watak luaran dia, luaran kita boleh gambarkan tinggi, gemok, kurus, errr (berfikir)... cepat... buat suatu kerja cepat, dengan cepat. Tapi macam mana dalaman, nak cerita apa yang ada dalam diri dia, seorang yang kuat semangat. Contohnya seorang yang patuh kepada agama, jadi kita akan sampaikan, dalam cerita tu kita akan sebut benda tu. Contoh Amira.... Err (berfikir) walaupun seorang remaja yang aktif tapi dia masih lagi mengekalkan... apa ni (apa ini) ciri-ciri agama dia. Kat mana (dekat mana), kalau perempuan senang sahaja, bertudung, kemudian sebut la sikit tentang tidak melupakan waktu solat maknanya itu sudah menunjukkan dalaman kan. Atau seorang sensitif, dia mudah terasa. Dia mudah terasa apabila mendengar. Haaa itu sifat-sifat dia. Nak bentuk sifat-sifat dia kena bentuk awal la. Tapi macam saya, saya bentuk sepanjang cerita. Bersesuaian dengan kejadian cerita tu. Contoh kata, macam katakanlah saya tulis tentang satu watak yang err (berfikir)... Okay (baiklah) Dalam Bedar Tanpa Laut, watak pembuat bedar ni kapal... Yang buat kapal ni... rasa cinta kepada isteri dia yang cukup kuat. Isteri dia meninggal, mati, dimakan, dimakan pulak dah, dibunuh oleh seekor harimau. Tak logik cerita ni... Hahaha (ketawa). Editor gelak apa ni cikgu harimau. Saya kata betul... ehemm (mendeheh) berdasarkan cerita benar, orang yang cari kepah kamu tahu lokan, lokan. Lokan ni sebenarnya harimau suka tau, jadi isteri kepada pembuat perahu ni suatu hari dia nak pergi cari lokan dan bertemukan suami dialah si pembuat perahu dan di... ditulah oleh seekor harimau. Dan jadi untuk gambarkan, dia seorang suami yang terlalu sayangkan

pada isteri dia dan mendapati isteri nya telah mati.... Apa yang saya nak kena tulis... kan. Saya kata.... err (berfikir)... selama dua tahun, selama dua tahun Mat Timbar pembuat perahu kita panggil penimbar. Kamu tau dak (tahu tidak) orang kelantan tak tahu apa itu penimbar. Jadi gelaran bila orang panggil Mat Timbar. Selama dua tahun, Mat Timbar menggalas senapangnya untuk mencari harimau yang membunuh isterinya. Jadi kalau kita baca dengan tafsiran... yang penuh itu menunjukkan betapa dia mendendam seekor harimau.

Nur Amalina

Betul-betul dendam tu.

Cikgu Amer

Hahh dendam. Maknaya secara automatik pembaca tahu, ohh (rupanya) sifat dia adalah seorang pendendam. Sedangkan mungkin harimau tu bunuh isteri dia menganggapkan isterinya tu makanannya (harimau). Penceroboh dia. Itu cerita dia. Dan dari situ saya bentuk watak, dan mesti dikesan oleh pembaca. Atau err... Mat Timbar, yang ini saya banyak main dengan psikologi dengan Mat Timbar. Mat Timbar sentiasa membayangkan isterinya, isterinya nama Rumi sentiasa ada dalam rumah dia. Dia seolah olah bercakap dengan isteri dia walaupun isteri sebenarnya tak dak (tiada), dah mati dah. Dia sentiasa berkhayal kata isteri dia ada. Sebab tu novel tu walaupun tak menang tempat pertama, tersenarai berapa eh... sepuluh novel dan penulis-penulis lain hebat-hebat tu. Saya rasa kagum jugak lah walaupun menang penghargaan. Hat (Yang) tempat pertama tu penulis hebat dari Sarawak dan novel itu difilemkan, sedang dalam proses di... proses penulisan skrip dah selesai dan difilemkan.

Nur Amalina

Yang itu tempat pertamalah

Cikgu Amer

Haa. Tempat pertama. Apa tajuk dia (lupa). Penulis tu China. Penulis China Sarawak. Jadi saya main dengan watak tu, sampai editor kata cikgu amat... amat berkesan. Watak tu berjaya dibentuk dengan begitu baik. Contoh saya menggunakan perkataan “Dia menjerit.. Menjerit tanpa suara”. Macam mana ni, macam mana menjerit tanpa suara. Bagaimana kita tahu dia menjerit sedangkan kita tak mendengar suara dia. Mat Timbar memjerit tanpa suara, dia kata hebat. Editor la kata, bukan pembaca, kalau pembaca kata saya seronok, hahaha (ketawa). Jadi editor kata bagus. Saya gambarkan suasana tu, satu mainan perasaan yang amat tinggi. Itulah komen dia, biasanya editor akan komen. Jadi untuk bentuk watak tu mungkin perlu kajilah, perlu kaji atau watak itu boleh kita buat berdasarkan pengalaman. Dan dia perlu ada perasaan, tak semestinya luaran, dalaman mesti ada, barulah watak tu akan jadi hidup. Rasanya saya dah jawab soalan tu, payah nak jawab tu.

Nur Amalina

Dapat dah tu sikit.

Cikgu Amer

Okay (Baiklah). Alhamdulillah.

Nur Amalina

Masa kami cari maklumat pasal cikgu, ada kami jumpa dekat buku ke Katalog daripada...

Siti Nur' Ain *Public Library of Australia.* (Perpustakaan Awam Australia)

Cikgu Amer Ambik pada mana.

Siti Nur' Ain *Public Library of Australia.* (Perpustakaan Awam Australia)

Nur Amalina Dekat *Public Library of Australia* (Perpustakaan Awam Australia). Buku Kembara Amira dengan Kala Yuda ada di sana. Macam mana respon Cikgu, macam mana, macam mana buku tu boleh berada di sana.

Cikgu Amer Ohh. Okay (Baiklah). Sebenarnya, setiap novel kita ini akan... Err itu adalah terbitan... Itulah adalah percuma. Sebanyak 500 novel percuma. Jadi penerbit, saya tak kan (tidak akan) terlibat. Penerbit akan hantar pada... perpustakaan-perpustakaan tertentu. Dan banyak kita punya novel-novel lain tak semestinya dari saya sahaja, novel-novel lain banyak terdapat di Australia. Shahnnon, novel-novel Shahnnon semua ada. Apani (Apa ini) sasterawan negara semua ada. Dan saya rasa mula-mula dulu, bila saya taip kat Google, Kembara Amira hahh dia keluar dekat *library* (perpustakaan) apa Australia. Punya seronok. Tapi dia tulis dalam Bahasa Melayu, dia belum diterjemah. Jadi kemungkinan di sana ada yang kaji sastera Malaysia sebab sastera remaja hanya satu-satunya ada di Malaysia. Negara lain tak dak. Negara lain terus disebut novel. Indonesia tak dak. Indonesia baru nak mula. Tapi dia tak sebut remaja, saya lupa dah. Malaysia je ada remaja. Negara lain tak dak jadi mungkin Australia, pihak student

(Pelajar) sastera bila nak kaji. Macam hangpa la buat kajian. Mana nak cari sastera remaja, rupanya ada di Malaysia. Sebab itu, ada seorang pensyarah yang hebat dari Jerman, Jerman saya pon tak ingat dah lama dah saya baca. Dia datang ke Malaysia semata-mata nak buat kajian tentang novel remaja ni sebab negara lain tak dak, tu istimewanya kita. Dan saya tak pasti sape yang memperkenalkan. Hari tu pensyarah dari UPM ada sebut, sebenarnya Dewan Bahasa yang mula ni... saya tak pasti sape...sape watak yang mulakan pecahan novel dewasa dengan remaja. Saya ingat tahun 70an mula, tahun 70an mula. Tak salah sayalah, 70 berapa tak ingat. Jadi memang ada la, memang kalau ikut surat perjanjian tu, dia akan tulis siap-siap 500 tu tidak dibayar royalti. 500 buah, sebab itu akan disebarikan secara percuma pada tempat-tempat tertentu. Mugkin contoh akah dihantar ke... *library* (perpustakaan). Tapi di Malaysia sekarang, *library* (perpustakaan) diorang bayar. Contoh apa ni, Kala Yuda. Kala Yuda pernah dibeli oleh Perpustakaan Negara....errr (berfikir) berapa ribu naskhah ye, lima ribu...ehh tiga ribu naskhah, eh, tiga ribu naskah Kala Yuda. Dan Perpustakaan Negara, dia edar kepada semua perpustakaan desa. Bukan sekolah, perpustakaan desa dan perpustakaan awam dia edar. Saya dapat agak banyak la masa tu, masa perpustakaan beli, tiga ribu naskhah kalau 10% banyak dapat la sebab sebuah dah berapa puluh ringgit. Jadi bagus soalan tu, mungkin masa kamu cari Google, kamu jumpa. Errr... saya harap adalah orang baca kat sana kot, tak tahulah saya pon tak tahu. Tapi mungkin lah ada orang nak kaji tapi dalam Bahasa Melayu mungkin tak lah tapi Bahasa Inggeris mungkin, sebab Utusan dia tak keluarkan dalam Bahasa Inggeris, kalau ITBN ada dalam proses terjemahan ke bahasa lain kerana diorang adalah pakar yang ITBN. Diorang memang pakar terjemahan, banyak bahasa. Banyak lah bahasa Rusia, novel penulis-penulis besar dalam sasterawan Negara. Malah secara tak langsung orang luar boleh baca.

Tak semua boleh baca bahasa Melayu tapi ada ramai jugak yang boleh bercakap bahasa Melayu. Ramai orang di Rusia, di China, di Korea. Di Korea ada. Jabatan Bahasa Melayu universiti di Seoul. Dan pensyarah dia tu Doktor apa saya tak ingat dah, mahir tulisan jawi. Hahh!! Masa saya buat Master di UPSI tu, ada sekali diorang datang buat lawatan, dia bawak la beberapa orang *student* (pelajar) dia yang mahir tulis jawi. Padahal di Malaysia ramai orang Melayu tak tahu tulis jawi. Okay, itulah perkembangan dia. Ya, apa lagi soalan.

Nur Amalina

Macam sekarang cikgu lebih kepada macam fiksyen, macam sekarang kan yang *up-trending* (yang laris), macam kalau ramai pembeli ikut novel dewasa. Cikgu tak buat novel dewasa?

Cikgu Amer

Novel dewasa tu macam mana? Novel popular... yang buat drama tu ke?

Nur Amalina

Haah ye.

Cikgu Amer

Itu tak panggil novel dewasa, itu dipanggil novel popular. Okay saya tak minat.

Nur Amalina

Untuk join dengan komersial *publisher* (penerbit)... macam... Macam yang sekarang Kaki Novel atau Kraftangan pon cikgu tak minat.

Cikgu Amer

Dia kena ada prinsip. Bukan nak cerita prinsip. Saya tak tau nak tulis macam mana.

Nur Amalina

Dia memang ada cara nak hantar ke... dia ada apa... kriteria ke untuk ke untuk masuk ke publisher (penerbit) yang tertentu. Ke macam mana?

Cikgu Amer

Okay Baik. Dia macam mana ni tau. Dia... Di Malaysia ni... dia ada tiga jenis penerbit. Satu, penerbit yang mementingkan nilai-nilai sastera, contoh Dewan Bahasa, ITBN, Kumpulan Utusan. Dan sekiranya mereka nak buat novel popular, diorang kena buat satu syarikat lain, diorang tak boleh guna macam tu. Contoh macam ni, ini sebenarnya satu novel popular. Nak tulis meleret leret...panjang sampai cemuih (jemu) nak tulis. Jadi dia tak letakkan Utusan tapi dia letakkan syarikat sub dia, Tintaron tak de dah syarikat ni, tutup dah. Maknanya tak dapat duit. Okay, kemudian dia ada satu lagi yang berbentuk popular. Popular ni novel yang tebal-tebal tuh. Cerita meleret-leret tu. "Suamimu, isterinya". Dia guna macam tu. Sekarang ni apa... *trend* dia... Apa... Abang Bomba... Dah lepas dah... Suami mu apa tu. Dan ramai orang tak suka novel ni, remaja suka. Anak saya beli sampai habis duit. Makna, sebab kebanyakan penulis dia, menyebabkan berlaku isu. Contohnya baru ni, baru ni. Maknanya penulis itu tidak melakukan kajian yang terperinci. Terutamanya menyentu, bila bercerita tentang keluarga, sebab cerita tu tentang keluarga. Percintaan macam tu kan, dia menyentuh hukum, hukum agama. Contohnya baru ni ye, drama apa ye. Ada satu drama, err... suaminya hilang.

- Nur Amalina** Menanti Februari. Baru habis. Baru habis
- Cikgu Amer** Eh, ada ke? Tengah tayang sekarang ke? Hah! Saya tak menonton pon. Hukumnya salah. Hukumnya salah. Hukum salah, suami yang hilang.
- Nur Amalina** Datang balik.
- Cikgu Amer** Dak... Dak... Dalam Islam, suami dia. Suami yang hilang, diisytiharkan isterinya itu bercerai atau berpisah kerana suami dia... Tujuh tahun.
- Nur Amalina** Cerita... cerita ikut... Ikut cerita tu tujuh tahun.
- Siti Nur' Ain** Dak ikut dalam Islam tujuh tahun
- Cikgu Amer** Dak... dalam hukum agama. Mesti tujuh tahun. Baru... jatuh talak dia. Dia tak panggil talak kot. Tak tau...saya pon tak tau. Macam tu la, maknanya suami dia telah diisytiharkan tak wujud dah. Mungkin mati ke, melarikan diri, dia layak berkahwin. Dalam cerita tu, suami dia enam...emmm... Berapa bulan hilang, saya pon tak pastilah, saya tak tengok. Tak tengok ke? Saya rasa setahun ke dua tahun, tiba-tiba suami dia datang. Okay apa hukum dia.

- Nur Amalina** Saya lagi tak tengok.
- Siti Nur' Ain** Saya pon tengok episod last (akhir). Hah! Ada balik.
- Cikgu Amer** Hahh. Apa hukum dia?
- Nur Amalina** Ikut yang saya dengar, masa baca dalam Facebook, Ustaz Azhar Idrus cakap kalau datang balik, apa pernikahan baru itu dikira batal.
- Cikgu Amer** Ya, betul. Sekiranya dapat anak, anak itu anak luar nikah.
- Nur Amalina** Anak...anak sah?
- Cikgu Amer** Anak luar nikah. Makna penulis kena tanggung cerita ni. Naya dia, silap dia. Dia sepatutnya merujuk kepada undang-undang keluarga Islam. Atau dia, kalau dia tak boleh, dia senang sahaja, pergi jumpa ustaz tanya. Okay Ustaz, kisah dia macam ni-macam ni. Ustaz pon okay... dia boleh jawab dia akan jawab tapi kalau dia tak boleh jawab dia akan cakap "Saya pon tak pasti kena tanyalah pejabat agama." Pergi pejabat agama. Jumpa kadi yang ada tau. Maknanya dia menyampaikan ilmu yang salah, kepada pembaca satu.

Nur Amalina

Penonton satu.

Cikgu Amer

Dua penonton. Bertapa berat dia akan tanggung tau, benda tu dia kan tanggung selagi orang ingat atau orang baca novel dia walaupun dia dah mati. Kamu jangan main-main. Jadi isu-isu begini... saya tak mau terlibat. Ahhhaha (ketawa) dan satu tak minat la, bukan tak minat tapi tak reti nak bercerita. Konsep dia senang sahaja, kalau kamu nak jadi penulis itu, kamu pandai menarik-narik dialog banyak. Maknanya satu bab tu kadang-kadang sampai 20 muka surat, jadi novel tu tebal. Sebab orang perempuan, dia duk di rumah. Tak keluar minum kopi tau...duduk, suami dia *start* (mula) motor hentam kopi sampai petang. Dia duk rumah tak dak buat apa, jemu, cemuih apa...baca cerita tu. Sebab tu orang perempuan, dia senang menangis. Saya baca pi bapak apa pon saya tak menangis. Dia emosi, emosi dia tu, berdasar bacaan dan juga apa yang sedang dia lalui. Kan? Perempuan la, kalau gi pesta buku perempuan sahaja. Remaja-remaja je... tengok novel aku tak laku pon. Hah, biarlah. Novel yang ketiga dia panggil Indie, sekarang popular Indie...penerbit bebas. Penerbit bebas dan penulis bebas. Dan indie ni jadi satu masalah kerosakan bahasa dan sastera. Sastera rosak dan novel yang ditulis tidak ada unsur sastera. Kemudian, baru ni saya sempat la berbual dengan seorang penulis indie... masa pesta buku. Jalan-jalan sembang dengan depa, dia kata tak da editing, maknanya editor tak akan membetulkan kesalahan bahasa. Jadi dia ada dua sebab, itu yang penulis *mainstream* (tegar). Macam saya, *mainstream* (tegar) la yang ikut sastera, ikut kata hukum bahasa apa...tak suka dengan kumpulan ini yang merosakan sastera dan merosakkan bahasa. Tapi ada cerita-ceritanya yang menarik untuk kita baca. Ramai yang suka baca. Tapi saya fikir macam ni, remaja atau lewat remaja, dia

suka memberontak jadi kalau dia nak baca pon, aku tak suka la nak baca Kembara Amira ni. Aku akan baca Laknat, novel-novel, novel-novel indie ni tajuk dia pon ganas-ganas Laknat, Laknat ni...

Nur Amalina

Gantung

Cikgu Amer

Apa ni Tuhan Telah Mati. Kita kadang-kadang takut, ada satu tu Terima Kasih apa dah, saya dah lupa. Banyak dan banyak sangat. Dan kumpulan mainstream, saya tak tuduh saya suka ramai tapi mereka banyak merosakkan sastera dan bahasa. Hukum bahasa tak ikut, penulis sastera tak semestinya ikut hukum bahasa tapi tak la terkeluar dari hukum bahasa tu...kan. Dan ada unsur-unsur sastera, dan sastera ni unsur dia adalah mendidik pembaca. Dia mendidik, maksud perkataan sastera sendiri, mendidik. Jadi wujud tiga kumpulan ni, ada tiga kumpulan. Jadi saya masih tekad berada di kumpulan pertama tadi la. Karya saya tu, sekurang-kurangnya esok anak saya berbangga, ohh bapak aku ada tulis jugak cerita ni. Okay la walaupun tak buat drama, tak buat filem... (ketawa)... dan itu adalah isu terbaru, memang salah. Kesian tau penulis dia kena tanggung. Sastera Islam, okay kita bincang sedikit pasal sastera Islam. Shahnnon Ahmad sasterawan Negara. Shahnnon Ahmad, dia mengemukakan satu teori. Dalam sastera banyak teori di Malaysia antaranya Shahnnon Ahmad dia keluarkan teori sastera Islam. Okay...dekat mana Islamnya, watak A dan B. ini bukan realiti tak hidup pon luar cerita. A seorang lelaki dan B seorang perempuan tidak ada ikatan tak kahwin, kapel la senang bahasa hangpa, kapel. A memegang tangan B sambil berjalan-jalan di pusat membeli belah. Kamu tahu tak hukum dia, dalam sastera Islam penulis akan mendapat dosa atas apa yang ditulis kerana watak A dan

B itu tidak muhram. Kamu nampak tak... punya beratnya tanggungjawab. Itu Shahnnon ni, Shahnnon yang mengemukakan sasterawan Negara, orang hebat. Apa agak-agak tulisan-tulisan lain yang melarut-larut macam tu dia kena tanggung. Penulis kena tanggung, memang dapat duit banyak. Yang buat drama ni, eh saya ingat puluh ribu, sebab buku dia diambil. Tapi yang dia nak tanggung selepas itu, selagi wujud buku itu walaupun selepas 50 tahun. 50 tahun selepas penulis mati baru menjadi hak awam. Maknanya tak dak orang punya. Macam sekarang ni kalau kamu baca Hikayat Hang Tuah. Hikayat Hang Tuah bukan milik siapa, tak dak nama penulis pon. Jadi sapa-sapa boleh terbit dia milik semua orang, buku saya 50 tahun akan datang, lepas saya meninggal. Lepas saya meninggal 50 tahun hak orang awam, jadi sapa nak terbit, terbit... percuma. Tak perlu bayar satu sen pon. Katakan dicetak, dicetak, dicetak 100 tahun dia dah mati dalam kubur, dan dia terima benda tu setiap hari selagi benda tu digunakan. Ohh, berat. Jadi penulis-penulis muda, saya tua saya 50 tahun lebih dah. Penulis-penulis muda sepatutnya didedahkan dengan teori ni, teori sastera Islamik. Banyak teori lain, tapi Malaysia antara yang popular yang dipegang tentang Islam Shahnnon Ahmad la. Depa tau tak, depa baca tak bukan pandai tulis je. Depa baca dak benda-benda tu, saya takut... pasal saya nak masuk syurga hahaha (ketawa).

Siti Nur' Ain

Cikgu saya ada teringat, Cikgu pernah cerita la dulu, apa Amira dengan Malique ni, ada yang masa depa jatuh sungai ke macam mana entah, Malique nak tarik Amira tu guna kayu tapi masih bersentuhan. Tu isu jugak ke?

Cikgu Amer

Okay. Baik. Bersentuhan ni bagi saya dalam situasi, hah situasi.

Situasi, macam situasi tu, situasi Amira ehh *not...not* (bukan...bukan) Amira ke JC? JC kot, yang hanyut sungai JC. Okay, itu dalam keadaan satu, saya nak jawab ni pasal kamu tanya. Dalam keadaan kecemasan. Dua, kamu rasa apa dia, agak-agak kamu apa dia. Dua-duanya bukan Islam. Malique bukan Islam, JC bukan Islam. Watak tu bukan Islam JC tu Jacynta, Malique tu anak orang asli. Bukan Islam. Saya terlepas tu. Jadi maksudnya dalam situasi macam tu contohnya, iye lah contoh kita mengerjakan haji. Kita nak perkait, kita kena paham. Saya pon tak paham bab agama. Suami isteri tak boleh bersentuhan nanti terbatal air sembahyang kecuali Doktor Maza je lah. Doktor Maza dari Perlis kata dak. Saya dulu berpegang kata dak, tapi kita ikut mazhab. Ketika kita menunaikan, ketika mengerjakan haji, ketika menunaikan tawaf kita boleh memegang isteri kita dan tak terbatal air sembahyang. Sebab masa tawaf kita kena ada wuduk. Kita ambil mazhab tak silap saya, Hambali macam tu. Sebab kalau batal, weh teruk kita. Baru jalan sekerat... bersentuh batal kena pi ambil air sembahyang. Kena mula balik, jalan dua *round* (pusingan) batal...sampai bila nak habis. Dan satu lagi isteri kita pegang kita atas sebab keselamatan. Hahhh... depa ambik itu. Tabung Haji ambil itu, sebab semasa tawaf suami memegang tangan isteri kita, wuduk tak batal. Tengok situasi dan keadaan. Kena mahir lah. Kalau penulis nak buat cerita keluarga, dia kena paham undang-undang keluarga ni. Undang-undang keluarga ni tiap-tiap negeri ada macam Undang-undang Keluarga Islam Kedah, Perak. Di Kedah sendiri pasai dia ikut negeri bukan Malaysia. Dia kena paham tu, isu tu paling besar dan saya rasa pon baca di Fb yang tu. Saya tak tengok pon drama tu. Hahh susah jugak, kenapa dia ambil isu yang susah. Mungkin dia ingat akan menjadikan cerita itu menarik. Menarik la dijadikan drama. Tapi dia tak kaji habis kesian kat dia. Saya pon tak pasti apa akan jadi lepas tu. TV3 kena jawab supaya tidak berlaku kekeliruan. Kita pon jawab panjang noh.

Nur Amalina

Kita pon bincangkan panjang jugak.

Cikgu Amer

Hahaha (ketawa)... Seronok bercerita. Hampa pon dengar, kalau hampa buat boring (bosan) aku cepat je habis. Hahaha (ketawa).

Nur Amalina

Sebab kami pon tadi yang ni lah kami bincangkan. Macam mana dengan cerita-cerita indie dengan yang yang sekarang Cikgu menulis atas...ikut mainstream Cikgu kan tapi... tapi kalau kita tengok yang paling diminati novel-novel Indie, novel-novel yang macam buat drama sekarang.

Cikgu Amer

Itu yang macam saya kata tadi, kenapa pembaca sekarang suka baca indie. Mungkin jiwa..jiwa pembaca itu, suka berontak. Kamu bayang semasa pesta buku, seorang pelajar Tingkatan Lima beli lima novel... indie sains fiksyen. Saya terkejut depan saya, sebab saya bercakap dengan penulis dia, tiba-tiba dia datang “ni abang Lokman ke?” dan saya tahu salah satu novel Lokman Hakim ni, yang paling susah nak faham, novel pertama dia Retina. Saya tanya dia baca ke? Hang baca ke? (Cikgu Amer bertanyakan kepada kami)

Nur Amalina

Baca! Saya ada tiga buah buku cerita dia.

Cikgu Amer

Ya. Lokman ni dia penulis laju. Dia cepat. Baru ni saya jumpa dia, sembang lama dengan dia. Saya Tanya dia “kau paham ke baca Retina?” “Paham Pak Cik”. Saya kata hebat, dia hebat dan saya tengok

novel Lokman yang... tak edit. Editing kurang, banyak kesalahan tapi saya tak komen la. Saya agak mengagumi dia, sebab satu lagi dia bujang, dia bujang. Dia tak pikir apa, balik kerja tulis, masa kerja tulis. Saya mana boleh tulis kan. Seorang penulis yang yang baik, saya nasihatkan jangan terlalu dalam sangat. Hahaha (ketawa). Dia agak kecewa kerana dia masuk bertanding tapi tak menang. Saya kata nak menang senang je Lukman, dia macam *ice berg* (ketulan ais) tahu *ice berg, ice berg*. Ketul ais, bongkah ais di laut. Yang nampak tu sikit ja, yang bawah tu besar. Lukman ni tulis yang bawah ni, bawah ni maknanya yang dalam sangat sampai panel tak boleh terima. Kata sekarang kau ubah kau tulis atas ni yang nampak sikit ja. Dia kata betul la cikgu. Tapi hati dia keras jugak dan semalam saya tengok dia dah keluarkan *statement* (kenyataan) dah dia nak lembut, nak lembut sikit di Fb dia. Mungkin nasihat saya kot. Lama juga sembang dekat Dewan Bahasa tu. Dia kata dia dah mula nak menulis sesuatu yang lebih... Lebih bermakna kot. Yang terbaru Pasca Tuhan kot dan dia agak laku, laku, laku keras. Bahasa depa ah. Tak pergi ke Pesta Buku.

Nur Amalina

Tak sempat. Tapi tahu ada.

Cikgu Amer

Lain kali pergi la. Bukan susah mana naik kereta api je. Hahaha (ketawa). Sebab tu saya sembang dengan penerbitan tu, dia kata tahun ni agak kurang. Jualan agak kurang, sebab itu la Baucer Buku tak dapat. Eh, dapat tapi mula boleh dalam bentuk lain. Kamu tahu satu-satu, satu-satu gerai atau *booth* tu, yang syarikat yang besar-besar tu diorang kadang-kadang satu hari satu juta jualan. 10 hari 10 Juta. Bertapa rakyat Malaysia suka baca. Jadi ada kajian kata rakyat Malaysia tak suka baca buku, saya tak boleh terima. Dan pembeli tu

saya perhati ada dua, satu pembaca satu kolektor, dia kumpul. Dia beli, beli, beli dia simpan. Dia simpan sampai mungkin 7, 8 tahun buku tu tak diterbitkan. Kalau Indie tak lama, tiga tahun dia stop, kadang dua tahun stop dah. Jadi buku tu jadi *rare* (jarang), tunggu lima, enam tahun ada orang nak. ---- Harga mahal. Ada orang buat, ada orang buat niaga macam tu. Hampa boleh buat tak?

Nur Amalina

Kena simpan, kena simpan buku dulu.

Cikgu Amer

Contoh, saya ada Hikayat Hang Tuah Edisi Pertama, pernah ditawarkan RM 400. Tapi kalau saya jual, saya tak dapat dah.

Nur Amalina

Tunggu harga naik lagi.

Cikgu Amer

Haahh. Atau Syair Siti Zubaidah, masih dalam tulisan Jawi. Ada orang nak walaupun tak da kulit, ada orang nak. Saya tak mau jual, ada dekat saya. Saya jumpala masa cuci-cuci stor kat sekolah saya jumpa, saya simpan Syair Siti Zubaidah. Susah nak jumpa. Okay? Cerita kot lain yang banyak. Hahh. Hampa pon baca. Tak pa nanti aku ambik gambar korang aku tag kat dia. Ni Lukman ni, tiga orang ni pembaca novel hang.

Nur Amalina

Apa ni... macam first (pertama kali) cikgu menang anugerah dengan buku Kembara Amira. Lepas menang, lepas menang tu ada bagi impak dan kesan tak kat cikgu sebagai penulis.

Cikgu Amer

Hahh. Mestilah nak tulis lagi. Saya tak pernah berhenti menulis kecuali bulan puasa saya stop. Mungkin berpuasa sama tak larat. Dah tua dah kan. Tidoq banyak. Wajib la lepas zuhur lena terus sampai Asar, bila nak menulis. Malam terawih pulak. Jadi, setengah orang kata menulis waktu lapar adalah lebih baik kan.... Alim ulama' dulu menulis bulan puasa, imam-iman besar. Jadi bila menang tu, dan saya rasa soalan tu macam ni "Adakah cikgu bila dah menang, cikgu rasa cikgu akan menang dan menang lagi. Tak dak. Saya masuk tu saya tak letak sebarang harapan. Contohnya Mengukir Larut, bila editor telefon saya "Okay Cikgu, saya ni... Puan Nilawati editor Cikgu..." saya tahu la novel saya sangkut, sama ada satu, dua, tiga atau penghargaan. Jadi dalam proses tu kita perlu bertanya-tanya, nak Tanya benda ni kita kena panggil Puan, dia sedap sikitkan. "Puan Mengukir Larut ni agak-agak kat mana sangkut?" "Ohh. Rahsia". Rahsia, jadi saya pon tak kisah sangat janji terbit ja. Tapi dia macam ni ada penulis-penulis ni dia tanya "Cikgu, macam mana Cikgu boleh menang". Saya tak tau pon. Saya tak dak pulak pergi jumpa bomoh ke apa. Setengah ada macam Rahmah Mokhtar tak silap saya penulis veteran, dia melakukan amalan solat-solat sunat sepanjang dia menulis. Dia buat solat hajat, sunat taubat sebelum mula solat hajat, dah siap buat hajat, nak pos pon buat hajat lagi. Ini pengakuan dia, ada buat macam tu. Maknanya dia buat tu, bagi saya lah, dia mengharapkan kemenangan. Bagi saya bila orang umum nombor satu, sujud syukur sudah lah. Ambik air sembahyang, sujud syukur "Terima kasih Allah, *thank you very very much*, bagilah menang lagi". Itu je la. Sebab dia di Malaysia ni keseronokan menang ni novel kamu akan terbit. Dalam seminggu dua sebulan tu novel kamu akan laku lepas tu orang lupa, dia masih hangat hangat, jual tapi *slow* (perlahan).

Isteri Cikgu Amer

La... Minum ayaq belum, makan karipap tu.

Nur Amalina

Macam ni... soalan *next* (selepas), macam selalu orang menulis ni, dia kena ada bakat kan macam turun temurun. Cikgu menulis ada yang mendorong dalam *family* (keluarga) ke tengok orang ke or dia memang sendiri-sendiri.

Cikgu Amer

Saya tak tau la, pok (ayah) saya kot. Tapi selalunya, tak tau la zaman sekarang tau. Tu tadi saya kata, zaman teks. Zaman dulu saya ingat lagi zaman dulu, zaman isteri saya ke... waktu malam TV (televisyen) tak de (tiada), elektrik pon tak de (tiada). Elektrik tak dak TV ada pon tak de elektrik tak guna. Jadi, kita hubungan keluarga jadi rapat, rapat. Nak buat apa malam ni ye, jadi bapak akan bercerita. Dia bukan bercerita cerita rakyat dak, cerita pengalaman hidup dia, kisah dia pergi sinu, sana. Dan saya dapati mak dan bapa saya, dua-dua dah arwah bapak saya pandai bercerita, penceritaan dia tu lebih menarik. Mak ni mungkin letih kot, bebel-bebel, berletiaq-letiaq nak cerita apa kat anak (anak) kan. Bapak akan bercerita, cerita la pengalaman dia, kita pon akan dengar. Ahh... menariknya, macam terbayang-bayang. Saya mungkin dapat dari... dari situ la dan satu lagi, dulu saya suka baca. Orang rumah saya suka baca. Suka membaca, suka membaca. Saya akan baca semua, apa saja. Kotak Colgate saya akan baca, misal sabun. Minat baca, tapi bila dah jadi penulis ni, saya kurang membaca, kurang baca. Kecuali saya baca ni, bila nak cari maklumat la, tentang contoh nak cari tentang sains fiksyen. Saya bukan sains, aliran sains saya pelajar sastera. Jadi sains adalah fakta, jadi saya kena bacalah. Contoh nak cari tentang DNA bukan kita boleh tipu. DNA dia adalah fakta dalam sains, genom ke apa, kena baca la paksa baca. Sebab masa

baca tu dah tuka jadi masa menulis. Saya dah tukar profesion saya pembaca kepada penulis. Jadi... dulu saya kuat membaca, minat membaca. Terutama buku-buku sastera, hikayat-hikayat lama Hang Tuah, Merong Mahawangsa. Kamu rasa tak baca. Jadi itu, mungkin faktor mendorong la. Dan satu lagi, mungkin kuat imaginasi la. Orang kita kata berangan banyak. Menung sorang-sorang ----. Isteri saya tau la. Kami buka rajin sembang pon dua-dua orang ni. Itula hidup saya, jadi itu mungkin faktor mendorong la, mungkin faktor keturunan tu tak dak kot. Macam saya anak saya sorang pon tak minat menulis. Sorang pon tak dak. Ada... ada orang “Cikgu saya nak belajar ni,” nak jadi anak murid Cikgu. Tak pe ah. Anak saya hari-hari jumpa...erm ada la dulu tulis sikit. Kisah seram di asrama mi (umi) (merujuk isteri Cikgu Amer) nah. Iffah tulis kan, bila ayah nak baca tak bagi, malu.

Nur Amalina

Untuk pertandingan ke macam mana?

Cikgu Amer

Dak la, saja seronok-seronok je la nak tulis, kisah seram di asrama. Hahaha (ketawa). Nak tergelak anak-anak. Errr... tak nampak lagi, mungkin satu hari nanti ada kot.

Nur Amalina

Tu yang laku, cerita-cerita macam tu yang laku.

Cikgu Amer

Erm... saya rasa penulisan ni bukan dari faktor keturunan kot. Tapi ada sesetengah penulis-penulis besar tu, anak dia pon penulis. Kalau kamu tengok A. Samad Said, anak dia bukan penulis. Seorang pon tak

jadi penulis. A. Z. tu Az, anak dia yang laki tu, nama AZ je A. Z. Huruf A sampai Z adalah pemuzik bukan penulis. Anak Shanon Ahmad eh apa ni A. Samad Said dia sedang... sedang uruskan buku-buku bapak dia, diorang dah ambik dah dari Dewan Bahasa hak cipta tu dan diorang pasarkan sendiri, diorang menguruskan. Dan saya pernah baca sekali je, cerpen dia pernah disiarkan di Dewan Bahasa, anak dia A. Samad Said.

Nur Amalina

A.Z. tu?

Cikgu Amer

Sebenarnya Az. Saya dulu sebut A. Z. tapi rupanya Az, A. Z. bin A. Samad. Abdul Samad.

Nur Amalina

Pendek nyo.

Cikgu Amer

Bila orang tanya, ehh dalam tu semua ada dari huruf A sampai. Ohh, pandai la. Saya rasa ada jugak, macam contoh nya S. M. Zakir. S. M. Zakir. S. M. Zakir ni bapak dia... apa ni... S. Osman Kelantan, tokoh jugakla. Ada jugak tapi tak ramai la, contoh anak Usman Awang, tak dak, anak Usman Awang tak sorang pon jadi orang sastera. Seingat, setahu saya, mungkin ada tapi mungkin tak banyak. Tapi kalau kita nak tahu faktor genetik tu tak boleh, kita kena tolak. Dia mungkin minat, kemahuan. Ehhh... ada lagi soalan?

Nur Amalina

Ada lagi.

Cikgu Amer

Ada lagi (nada terkejut). Takpe, takpe tanya. Tak kisah.

Nur Amalina

Sekarang ni, macam yang tadi kita cakap pasal penulis muda ni dia lebih kepada penulisan indie semua tu, apa pandangan Cikgu, kenapa diorang tak pilih mainstream (tegar) punya line daripada penulisan indie?

Cikgu Amer

Okay, dulu bila mula-mula novel popular mendapat permintaan yang tinggi, benda ni jadi sesuatu isu, bincang-bincang. Jadi ada orang orang buat kesimpulan macam ni, pembaca tak mengkuti. Maksudnya kita tengok, kenapa orang lebih suka tengok filem dari baca. Filem kita tak yah pikir, kita tengok je. Bila baca kita kena paham sikit. Jadi kebanyakan buat andaian, penulis *mainstream* ni, dia kata pembaca suka novel macam tu, tidak memintak mereka berfikir ketika baca. Enjoi (nikmati) je, macam tengok drama tu la. Atau orang Melayu zaman dahulu penonton filem Hindi dan Tamil, tak paham pon mak cik – mak cik tu tapi bila samapai *scene* yang sedih, meleleh air mata. Tak paham pon diorang cakap. Shah Rukh Khan cakap apa pon tak paham. Nampak tak menonton itu, lebih... nikmat kot, nikmat, boleh rasa membaca ni kurang. Ada jugak pembaca sekarang, tapi saya tak kata indie, Indie dia ada jugak novel-novel dia yang berat, berat. Baca apa pon tak paham kan. Mungkin satu cara untuk memberontak. Tadi saya cakap memberontak tapi ni tak boleh, dan tak semua novel-novel *mainstream* ni ditolak. Macam sekarang ni, ada seorang penulis puisi terkenal T. Alias Taib, kenal tak, arwah dah dia. Orang susah dia ni, T. Alias Taib orang susah. Dia pensyarah -----, isteri dia meniaga di warung, dia masa tu naik bas mini je. T tu Tengku. Tahun ni dijual. Diterbit semula di Indie, tak silap saya Indie. Cover dia buat menarik

apa, laku dak. Bukan cerpen bukan, puisi. Puisi T. Alias Taib laku, ramai pembeli. Keluar satu set, lima buah buku. Dia buat lima buah buku. Contoh macam ni kan (Cikgu Amer melakar bentuk buku yang disebut) setiap kulit dia satu je kan, tapi jadi lima. Jadi kalau kamu beli satu, tak dapat kulit yang penuh la. Kalau beli lima dapat lah penuh, itu nampak strategi dia. Maknanya kalau kita beli sebuah, ohh tak dapat semua kulit dia, kena beli lima. Kalau beli lima bila cantum-antum akan jadi satu kuli yang besar. Dan dia adalah penulis puisi, buku tu cukup laku di pesta buku baru ni. Mungkin, mungkin pembaca sekarang indie diorang suka. Indie, indie ni menarik. Saya dulu, banyak dapat tawaran jugak menulis indie. Kalau saya tulis pon bagus, tapi saya tak tulis. Masa tu di Sarawak, Sabah kan mi. masa tu saya berada di Sabah ke Sarawak, ada editor penerbitan Indie telefon mintak saya tulis. Tapi masa tu saya sibuk dengan novel-novel lain. Saya pon dah lupa, senyap macam tu. Kalau tak mungkin saya juga terlibat dengan penerbitan indie. Tapi tak semua buku inde ni melanggar la, cuma bila sebut indie letak dalam kelompok tu. Hah ni, melanggar ni, melanggar hukum bahasa, melanggar hukum sastera. Dan yang tu, sapa-sapa boleh jadi penulis indie. Tawaran melambak di Facebook. Kepada sapa ada manuskrip sila hantar. Isi lah, kalau kamu boleh tulis mula dari sekarang. Rebut peluang.

Nur Amalina

Cikgu sebagai penulis lama, macam ada tak macam... kumpulan-kumpulan yang penulis lama ni untuk macam nak jaga la. Okay, tengok Meniti apa...macam Meniti Februari tu kan, macam ada kesilapan dalam teori-teori Islam, hukum Islam apa semua tu. Macam mana, macam ada tak kumpulan-kumpulan lama tak nak, tak nak lagi benda ni terjadi.

Cikgu Amer

Sebenarnya orang sastera ni susah, pada saya la. Sastera kamu ni orang sastera ke dak? Dak kan. Baik, sat gi dia kata, “ohh, kata kat orang sastera”. Orang saya la, orang sastera ni tak boleh duk sekali. Bagi saya la. Setiap negeri ada persatuan dan apa tujuan persatuan pon saya tak tau. Perjuangkan ahli persatuan, biasanya macam tu. Tapi saya tak nampak pon. Di Kedah ada Asasi, di Perak ada Karyawan Perak. Tiap-tiap negeri ada, di Perlis apa tau persatuan, PLAK ke apa, persatuan sastera. Sepatutnya persatuan ini sepatutnya, satu menjaga kebajikan la, kebajikan. Contoh, saya ada masalah tentang royalti yang tak dibayar. Saya kena berjuang sendiri. Buat apa saya jadi ahli dalam persatuan, bila saya nyatakan dalam persatuan tu saya tak dibayar royalti dan mereka tak boleh bertindak apa-apa. Lain dalam muzik, muzik lain tau, seni nyanyian muzik dia ada MA, MACP ke apa macam tu yang mengutip royalti dan diserahkan kepada...

Nur Amalina

Kepada yang sepatutnya.

Cikgu Amer

Hahhh...kepada pencipta dia, sastera tak dak. Sebab saya nampak, sebab tu saya tak menjdai mana-mana ahli sastera. Kedah ada hantar saya borang, “Cikgu silalah jadi ahli kami.” Pena ada. Kita ada Pena, Gapena. Banyak ahh... Karyawan, macam-macam. Geng-geng perempuan buat sendiri, banyak. Tapi saya tak Nampak satu pon yang membantu penulis, jadi buat apa saya jadi ahli. Habis masa saya. Cehh... jahat tu. Kalau depa tau, habis marah kat aku. Lantak pi la kat dia. Jadi bila isu-isu macam ni, macam kamu sebut tadi, isu. Saya rasa persatuan tak kan ambik tahu pon dan dia bukan ahli persatuan. Mungkin la dan persatuan ni pon akan “Ehh sapa ni, ahli hang ke?” Tak dak. Jadi, dia kena selesaikan sendiri, saya tak nampak. Yang saya

nampak satu persatuan buat, aktiviti bulanan, baca puisi kan. Macam Kedah ni saya nampak mereka lebih kuat berpaksi pada puisi. Saya ni tak minat puisi, nak tulis puisi pon tak reti. Buat apa saya jadi ahli, baik saya duduk di Mahang je. Jadi la penulis kampung cap ayam ke, kan. Dan itu kena, sudah sampai masanya persatuan-persatuan. Sebab persatuan ini menerima peruntukan wang daripada kerajaan. Mungkin kerajaan persekutuan, mungkin kerajaan negeri. Mungkin penulis persatuan Asasi Kedah ni, dapat peruntukan dari kerajaan negeri Kedah. Kita pon tak tau, saya pon tak tau dapat ke tak dapat. Buat la, anjur la sedikit apa-apa, yang memberi manfaat kepada ahli, saya tak nampak, tak nampak. Jadi benda-benda macam ni dia kena setel sendiri tau. Isu, macam tadi kan, kamu kata tadi, dia tak boleh setel. Dia kena solat taubat dulu. Dia telah salah, mentafsir hokum kesalahan yang amat jelas. Atau betul ke Ustaz Azhar Idrus punya jawapan. Hahh, pergi la pejabat agama tanya. Isu dia macam ni macam ni, saya penulis dia, sekarang saya tulis macam ni apa perlu saya buat. Saya rasa pegawai agama tu jawab satu je, cik balik kena taubat la. Taubat la, pastu buat la satu pengumuman, “Saya telah tarsalah tafsir mintak penerbit tarik”, mintak la TV3... Aahh, panjang la. TV3 pon hahh (terkejut). Sebab TV3 pon silap. Kenapa dalam banyak cerita dia pilih. Ini, ini yang dikatakan kadang-kadang ni dia macam apa ye kita kata ye, penerbit tu kawan dia, jadi dia terbitkan. Dalam banyak-banyak, saya pon terpikir jugak dalam banyak-banyak, menimbun novel kenapa dia pilih novel yang itu dan penulis skrip pon tak kan tak kaji logik. Penulis skrip pulak, bukan penulis buku. Ohh, jadi meleret-leret la. Dia ada la, sambung apa, pandai la diorang setel. Sebab tak dak, tak dak satu badan, satu badan yang... sastera jugak bagi pihak kerajaan adalah yang tak penting. Contohnya, kami menuntut agar mata pelajaran sastera ni menjadi salah satu subjek bukan tempelan pada Bahasa Komsas tu. Dia subjek berasing, wajib diambil, bukan wajib

lulus. Masih tak diambil, dah bertahun-tahun diperjuangkan tapi masih tak diambil perhatian. Jadi kita yang tu la, tak semua penulis senang. Kalau nak jadi tu boleh la, tapi jangan balik nanti berkobar-kobar nak jadi Cikgu Amer cakap. Alamak. Tak payah ah. Ada kemahuan nak jadi penulis?

Nur Amalina Tulis *assignment* (kerja kursus) tu pon.... (ketawa) dah tak sanggup

Cikgu Amer (Ketawa).... Sampai menangis. Ambik Google habis Bahasa Indo, Indon apa tak tukar. Hmm, kawan saya macam tu dulu, kami gelak kat dia. Bila nak *present* je, wehh aku tulis Indonesia la. Hang bukan tulis, hang *copy* web indon. Hahaha (ketawa). Biasa la tu kehidupan zaman belajar.

Nur Amalina Soalan last, sekarang kan kita macam boleh nampak semua orang nak jadi penulis. Artis pon, macam Fattah Amin, macam sekarang ArlinaBanana, sape yang *hot-hot famous* (popular) tu la di sosial media macam Faizdickey, MatLuthfi sekarang ni yang terbaru Fattah Amin dengan 99 Kata. Apa pandangan Cikgu sebagai penulis tentang buku yang dikeluarkan?

Cikgu Amer Satu, kita tak boleh halang sapa nak tulis. Bagi saya kalau Fattah Amin nak tulis, tulislah. Maknanya dia dah tulis novel dah?

Nur Amalina Dia tulis 99 kata?

Cikgu Amer

Dak-dak...

Siti Nur' Ain

Ada novel yang dia tulis....

Cikgu Amer

Ada yang saya tengok kat pesta buku tu, dah ada *streamers* Fattah Amin dengan novel dia. Tak tulis lagi?

Nur Amalina

Yang saya baca... yang saya baca....

Cikgu Amer

Dak tak tulis lagi.

Nur Amalina

Yang aku baca orang yang akan tulis novel dia guna tajuk lagu dia tu... (bercakap dengan Siti Nur' Ain)

Cikgu Amer

Hah siap muka dia... saya pon lalu tengok muka dia... eh, saya ingat 99 Kata, 99 Nama Allah. Eh salah, bukan. Apa tajuk novel dia, mungkin sedang dalam proses. Ya, itu mungkin salah satu strategi. Baik, sapa-sapa boleh tulis tiada kesalahan. Baik baru ni, Fattah Amin menang tau satu anugerah buku. Buku paling... laris. Dan saya pon rasa, yang itu saya tak berapa setuju. Okay, dia tulis, dak... dak nak tulis, tulis. Orang yang menghakimi, menghakimi, errr... anugerah buku Negara tu adalah satu majlis khas tau... apa ye saya lupa. Dan sepatutnya, sepatutnya mereka menolak Fattah Amin punya buku. Dia bukan buku, bukan buku. Dia adalah kutipan kata-kata yang ada di Fb

dia, IG dia. Dia bukan buku, Cuma dijadikan buku. Dan panel yang telah memilih tu telah melakukan kesalahan yang besar. Dan ada yang mendakwa kroni, kroni. Baik, sebab penulis popular pon orang tak kenal. Saya ingat perempuan yang menang. Dia ada kategori, dia macam anugerah apa ye dekat... hmm apa Filem Terbaik Drama. Hahh dia macam tu, dia ada industri buku dia. Kulit... dia kira macam tu. Kulit, novel paling laris, penulis paling popular, hah... Pesta Buku setiap tahun. Saya rasa panel-panel patut tolak novel macam tu. Ini, penulis paling popular pon orang tak kenal sapa. Hanya sorang saja penulis mapan, kita panggil, Nisa Harun menang. Loni sapa tak kenal Nisa Harun, kenal dak. Saya kenal. Ke kamu kenal penulis lain, itu bezanya umur kita. Jadi penulis-penulis saatera telah mula hilang kepercayaan kepada mereka ini untuk meneruskan penganjuran yang akan datang. Mungkin benda tu akan jalan. Mungkin penulis-penulis sastera akan buat cara lain. Bagi saya tak yah buat pon, tak dak apa pon. Maknanya selepas Fattah Amin dapat jualan paling laris, lepas tu, adakah... adakah akan membantu dia dalam hidup, tak dak pon, dia tetap jadi pelakon. Sedangkan lakonan dia teruk. Tak lakonan dia keras. Saya rasa lakonan dalam drama tu ada beberapa orang pelakon yang lebih baik. Cuma, kebetulan ini dikatakan rezeki, kebetulan orang minat dia. Dia agak pelakon yang kaku tidak menjiwai watak. Kalau kita tengok, saya kadang-kadang layan jugak drama ni. Sebab isteri saya suka drama. Saya rasa dia tidak menjiwai dalam. Ada pelakon dia menjiwai tapi orang tak minat pon. Contoh kalau sekarang ni, sapa dia agak-agak sapa dia yang menjiwai.

Nur Amalina

Macam Nabila Huda, Beto Kushairi, Zahiril Adzim.

Cikgu Amer

Hah... mereka ni menjiwai watak. Dan mereka ni biasanya ada menerima pendidikan teater. Tapi orang tak suka, tak berkenan, melebihi-lebih. Sampai macam ni sekali berlakon. Diorang lebih suka *simple simple* (mudah mudah). *Life is simple* (hidup ni mudah). Hahaha (ketawa). Tengok la macam sekarang la, kita ambik Sabri Yunus seorang pelawak. Tapi apabila dia beraksi, semalam ada satu cerita dia tentang wau pa. Hah wau, masa tu isteri saya duk tengok, saya duk buat keje. Dia menjiwai watak dia. Tapi kalau masuk bertanding, ingat menang ke? Orang kita suka ke Sabri yunus, dia ni fikir barat dalam program apa, program Lawak Komedi.. apa... Karoot media. Contoh kamu tengok, (Cikgu Amer batuk) filem apa tu, yang anaj Yusuf Haslam buat tu. Yang pelawak tu, Zizan dengan apa tu dalam Polis Evo. Yang jadi jahat tu, saya tak ingat nama dia.

Siti Nur' Ain

Amirul Effendi.

Cikgu Amer

Hah... Dia adalah pelakon yang menjiwai watak yang cukup baik. Cukup baik. Tapi dah dia muka tembok, tak dak nilai komersial, orang pon tak mau ambik dia berlakon. Tapi dia... contoh macam saya suka pelakon...contoh la orang tua punya... saya suka apa tu...alamak...anak Husin Abu Hassan tu apa tu...

Nur Amalina

Faizal Hussein.

Cikgu Amer

Faizal Hussein. Dia adalah pembawa watak yang cukup baik. Sebab dia berlakon dari kecil. Bila bagi skrip, tak de hal la dengan dia. Tapi sekarang dia tak boleh dah pegang watak hero. Sebab usia dia. Dia adalah pelakon yang berjaya yang menjiwai watak. Tapi nak buat macam mana Malaysia dah memang macam tu. Terpaksa terima la. Di ada pelakon yang hebat, macam dulu ada Namron. Namron dulu boleh la berlakon watak bapak. Pelakon-pelakon wanita banyak yang boleh... macam saya, saya suka Emma Maembong berlakon. Bila watak gila-gila sikit hidup. Tapi bila watak sedih tak hidup. Kena cari la yang boleh watak sedih ni. Kena cari la watak yang tak gila-gila. Menarik. Dia boleh membawa wata dengan penuh penghayatan. Kesian Fattah noh. Tak pe la menang.

Nur Amalina

Sebab sekarang tengah trending dia punya buku tu. Lepas dia menang dia kata nak keluarkan novel tu yang kami bertanya pendapat cikgu tu.

Cikgu Amer

Dia macam ni tau, penerbit... penerbit ni dia buka kira hang sapa. Dia Cuma kira keuntungan. Dia terbit buku tu laku, orang boleh ulang cetak. Dia cuma pasal duit. Kalau saya jadi Fattah Amin tiap-tiap bulan saya tulis buku. Dia silapla dia buat 99. Cuba dia buat 33, 33 bahagian satu, 33 bahagian dua, 33 bahagian 3. Jadi 99 jugakkan. Tapi dalam 3 buku, dia akan dapat duit lagi banyak. Mungkin dia pon tak sangka, keluar 99 dia ingat tak laku kot. Sekarang dia menyesal, dia kena buat pulok 999. Kalau saya buat 33 dan ada lagi 66 volume 2.

Nur Amalina

Tapi mungkin ada, sebab hari tu ada baca dia punya yang komen tu,

dia akan keluarkan tapi *version English* (versi Inggeris) punya.

Cikgu Amer

Ahh... translit la.

Nur Amalina

Hahh. Translit. Translit Google kot.

Cikgu Amer

Ohh, fanatiknya dengan Fattah Amin.

Nur Amalina

Dia... dia dah tak minat sejak gosip dia pasal Lofattah tu kuat sangat.

Cikgu Amer

Anak saya nombor dua minat Fattah Amin, bila ayah dia kata berlakon macam batang kayu, marah dia.

Nur Amalina dan Siti

Hahaha (ketawa)

Nur'Ain

Cikgu Amer

Tengok dak iklan dia... OPPO. Nampak dak, nak iklan OPPO tu pon. Kalau saya la pengarah yang buat iklan tu, balik pi praktis betoi-betoi. OPPO. Tak dak. Itu yang dikatakan nasib. Nasib la. Contoh macam dunia sastera Faizal Tehrani. Faizal Tehrani dia *luck* (tuah) je. *Luck* (tuah). Tak semua orang boleh dapat *luck* (tuah) tu. Okay habis.

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

Nur Amalina

Dah. Habis.

Cikgu Amer

Okay. Sekian dulu Doktor. Jumpa lagi.

Kajian Soalan- Soalan

- i. Apakah nama penuh Cikgu Amer?
- ii. Cikgu Amer berasal dari mana?
- iii. Pendidikan awal Cikgu Amer?
- iv. Tempat pertama Cikgu Amer ditugaskan berkhidmat dalam mengajar?
- v. Bilangan adik beradik Cikgu Amer?
- vi. Isteri Cikgu Amer berasal dari mana?
- vii. Bilangan anak Cikgu Amer?
- viii. Adakah Cikgu Amer memang meminati dunia pendidikan?
- ix. Berdasarkan buku novel Kembara Amira apa faktor yang ingin ditonjolkan?
- x. Kenapa Cikgu Amer memilih bidang penulisan bukan bidang lain untuk melungkan masa?
- xi. Bagaimana Cikgu Amer membuat tapisan idea dalam penulisan?
- xii. Bagaimana Cikgu mendapat inspirasi untuk menulis buku-buku ini terutama dalam buku Kembara Amira?
- xiii. Pernah atau tidak, buku yang dihasilkan menjadi isu di kalangan pembaca?
- xiv. Bagaimana Cikgu Amer menentukan tajuk setiap buku atau cerpen yang dihasilkan?
- xv. Dan apakah maksud setiap tajuk buku dan cerpen?
- xvi. Bagaimana Cikgu Amer menentukan konsep atau tema sesebuah cerita buku tersebut?
- xvii. Pada pendapat Cikgu Amer, novel ini member impak yang bagus atau tidak kepada pembaca terutama di kalangan pembaca remaja?
- xviii. Setiap buku yang dihasilkan adalah berbeza wataknya bagaimana Cikgu Amer menentukan watak dalam setiap cerita dihasilkan?
- xix. Melalui penyelidikan kami menjumpai satu blog sosial Kami juga dapati hasil penulisan Cikgu Amer sudah terbang jauh ke Perpustakaan Negara Australia, adakah Cikgu gembira dengan pencapaian Cikgu?
- xx. Bagaimana proses atau cadangan buku penulisan Cikgu boleh memasuki koleksi di Perpustakaan Negara Australia?
- xxi. Bagaimana impak atau kesan yang Cikgu terima setelah memenangi banyak kategori hasil daripada penulisan Cikgu?
- xxii. Selain keluarga siapa dan apakah yang mendorong Cikgu untuk mengeluarkan penulisan Cikgu kepada masyarakat umum?

- xxiii. Siapa yang bertanggungjawab dalam membawa Cikgu ke bidang penulisan?
- xxiv. Apa pandangan Cikgu mengenai kekurangan penulis muda di Negara kita?
- xxv. Bagaimana Cikgu sebagai penulis ingin menaikkan semangat penulis muda untuk berkarya dalam bidang sastera di Negara kita?

RINGKASAN TRANSKRIP

Kami telah menemu bual seorang penulis novel sastera remaja, iaitu Amer Hmzah L. Kadir. Professionnya sebagai seorang guru lebih dikenali dengan nama Cikgu Amer. Cikgu Amer telah menulis beberapa buah novel remaja dan salah satu hasil penulisan novel remajanya telah diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dijadikan salah satu buku teks komsas tingkatan empat. Novel itu bertajuk Kembara Amira digunakan di sekolah- sekolah di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Rentetan itu, membawa kami untuk mengkaji hidup Cikgu Amer sebagai seorang Penulis Sastera.

Temu bual yang dilakukan adalah di rumah Cikgu Amer sendiri iaitu di Mahang, Kedah pada 10 Mei 2017, jam 10 pagi. Temu bual berjalan selama 2 jam 5 minit 37 saat. Temu bual yang dilakukan mengenai latar belakang beliau dan keluarga, pendidikan beliau, pencapaian beliau dalam bidang penulisan seterusnya pandangan beliau terhadap bidang penulisan juga penulis pada masa kini.

Secara ringkasnya, temu bual ini berkisarkan tentang hidup beliau sebagai penulis separuh masa novel sastera remaja. Encik Amer Hmzah L. Kadir merupakan seorang guru yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kerjayanya. Beliau sangat disiplin dalam membahagikan masa dan tugas beliau sebagai seorang guru pada waktu pagi, seorang ayah dan suami di rumah dan seorang penulis pada waktu malam. Beliau sangat menekankan moral dan nilai dalam penulisannya untuk memberi impak positif kepada remaja.

Oleh itu, temu bual bersama beliau sangat memberi nilai dan semangat kepada kami untuk memelihara sikap menerap nilai- nilai ketimuran dalam diri kami sebagai remaja. Di samping itu, temu bual ini juga membantu kami untuk lebih memahami tentang selok- belok industri buku masa kini.

LOG TEMU BUAL

PITA RAKAMAN PETAMA

Masa	Perkara
00.40s	Cikgu Amer memberitahu nama dan ejaan sebenar mengenai nama beliau.
01m.06s	Cikgu Amer menceritakan asal- usul beliau
02m.16s	Cikgu Amer menceritakan tentang adik- beradik beliau.
02m.53s	Cikgu Amer menceritakan tentang pendidikan beliau.
04m.14s	Cikgu Amer berkongsi cerita mengenai isterinya.
05m.10s	Cikgu Amer bercerita tentang anak- anaknya.
05m.44s	Cikgu Amer menceritakan mengenai sekolah pertama beliau ditempatkan untuk mengajar sehingga kini.
08m.08s	Cikgu Amer memberitahu minatnya adalah melukis dan pernah memohon di ITM dalam bidang seni & reka. Hal ini ditentang oleh ayah beliau kerana ayah beliau mahu beliau bekerja dengan kerajaan.
11m.14s	Cikgu Amer menerangkan bahawa terdapat dua bentuk penulisan iaitu penulisan untuk diri sendiri dan penulisan untuk orang.
14m.37s	Cikgu Amer memberitahu bahawa tercetusnya idea untuk menulis novel Kembara Amira disebabkan satu filem Inggeris iaitu Tom Raider. Beliau juga menceritakan bahawa novel Kembara Amira pernah ditolak oleh syarikat penerbitan disebabkan novel tersebut tidak bersesuaian dengan penerbitan mereka.
16m.37s	Cikgu Amer memberitahu isterinya merupakan 'proof reader' untuk penulisannya.

PITA RAKAMAN KEDUA

Masa	Perkara
00.01s	Cikgu Amer menceritakan tentang penulisannya yang bermula dengan cerpen.
01m.11s	Cikgu Amer berkonsi cerita tentang bagaimana beliau menceburi bidang penulisan dengan memasuki pertandingan.
02m.55s	Cikgu Amer memberitahu bahawa cerpennya, Caturangga diambil sebagai judul antalogi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau juga menjelaskan Caturangga merupakan projek untuk menyokong penulis-penulis baru.
05m.09s	Cikgu Amer menceritakan tentang sayembara yang disertai beliau dan menunjuk koleksi- koleksi penulisannya yang memenangi pelbagai anugerah.
06m.55s	Cikgu Amer berkongsi tentang waktu- waktu untuk beliau menulis dan juga jangka masa untuk menyiapkan sesebuah cerita.
09m.10s	Cikgu Amer memberitahu terdapat perbezaan antara punulisan novel untuk pertandingan dan penulisan novel bukan untuk pertandingan.
10m.26s	Cikgu Amer memberitahu bagaimana beliau mendapat idea untuk menulis sesebuah cerita.
12m.20s	Cikgu Amer memberitahu beliau kan memasuki satu pertandingan yang dianjurkan oleh Berita Harian dan projek terbaru beliau adalah menghasilkan satu novel untuk kanak- kanak.
14m.45s	Cikgu Amer memberitahu kandungan penulisannya tidak dirujuk dari mana- mana sumber seperti 'google'.
16m.00s	Cikgu Amer menceritakan sebahagian buku- buku yang dipertandingkan ada yang menang da nada yang mendapat penghargaan.
17m.11s	Cikgu Amer menceritakan tentang bukunya Kala Yuda yang

berunsurkan sains fiksyen.

21m.18s	Cikgu Amer menjelaskan hukum sains dan menceritakan dimana buku beliau ID hanya mendapat penghargaan kerana dikatakan ID sebuah cerita fantasi.
24m.03s	Cikgu Amer memberitahu bahawa sains fiksyen di Malaysia tidak boleh melawan kuasa Allah.
25m.14s	Cikgu Amer membincangkan teori- teori pengembaraan masa.
28m.09s	Cikgu Amer menceritakan bagaimana beliau menentukan tajuk bagi setiap penulisannya.
31m.44s	Cikgu Amer menjelaskan cerita disebalik Caturrangga.
33m.48s	Cikgu Amer menceritakan kesan kepada remaja yang membaca buku kembara Amira. Kemudian, Cikgu Amer mahu menulis sambungan daripada novel Kembara Amira dengan menceritakan tentang hubungan antara Dr. dan Jacinta.

Masa	Perkara
00.20s	Cikgu Amer menceritakan pembentukan watak dalam setiap novel dibentuk sepanjang penceritaan dan beliau juga menganggap bahawa watak yang dibual adalah hidup.
07m.46s	Cikgu Amer menceritakan bahawa 500 naskhah buah novel diberikan secara percuma dan diagihkan kepada tempat tertentu. Cikgu Amer juga menyatakan perasaannya yang gembira bila mendapati apabila novel yang dikarang berada di Perpustakaan Awan Australia dan berharap ada pelajar luar yang membaca novel beliau.
12m.40s	Cikgu Amer menerangkan bahawa novel-novel yang diadaptasi ke televisyen adalah novel popular dan beliau juga menyatakan tidak berminat untuk mengarang sebuah novel popular
13m.18s	Cikgu Amer menerangkan 3 jenis penerbit yang ada di Malaysia. Satu, penerbit yang mementingkan nilai sastera. Kedua, penerbit novel popular di mana kebanyakannya sekarang novel diadaptasi ke drama atau filem. Menurut Cikgu Amer kebanyakan novel popular sekarang ini tidak dikaji dan sering menjadi isu perbualan. Yang ketiga adalah penerbit bebas.
24m.10s	Cikgu Amer menjawab isu bersentuhan yang ada dalam Kembara Amira bahawa watak JC atau Jacynta dan Malique berada dalam keadaan kecemasan dan kedua-dua watak yang dibina itu adalah bukan watak seorang Islam.
28m.05s	Cikgu Amer menceritakan sikap pembaca terutama remaja sekarang yang suka memberontak dan lebih memilih novel Indie yang berbentuk sains fiksyen.
30m.47s	Cikgu Amer juga memberitahu bahawa jualan pesta buku pada tahun ini berkurang dan kebanyakan pengunjung yang datang ke pesta buku adalah sebagai kolektor buku atau sebagai pembaca.
33m.00s	Kesan dari pertama kali memenangi anugerah telah menaikkan

semangat Cikgu Amer untuk terus berkarya. Cikgu Amer juga menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengharap kemenangan dan kebanyakan anugerah yang diterima adalah rezeki.

36m.09s	Cikgu Amer juga berkongsi bahawa bakat menulis yang ada pada diri beliau mungkin dari ayah beliau yang suka bercerita dan juga faktor suka membaca yang ada dalam diri beliau.
38m.58s	Cikgu Amer juga menafikan bahawa penulisan adalah bukan dari faktor keturunan kerana tiada seorang anak beliau yang minat menjadi seorang penulis dan ada juga anak penulis terkenal juga tidak menjadi seorang penulis.
41m.46s	Cikgu Amer juga menerangkan sikap pembaca yang sekarang ini lebih suka membaca tanpa berfikir dan menikmati pembacaan mereka dengan bersahaja.
46m.34s	Akibat dari masalah royalti Cikgu Amer tidak berminat untuk menjadi ahli persatuan sastera kerana tiada langkah-langkah yang diambil untuk mencegah. Beliau menceritakan kebanyakan masalah yang dihadapi oleh seorang penulis biasanya perlu diselesaikan oleh penulissendiri.
51m.32s	Cikgu Amer juga menceritakan bahawa pihak sastera sudah lama memperjuangkan supaya mata pelajaran sastera dijadikan mata pelajaran yang wajib diambil tetapi tidak diambil perhatian sehingga kini.
53m.03s	Cikgu Amer berkongsi pendapat bahawa sesiapa pun boleh menjadi penulis tetapi perlulah mempunyai kualiti terhadap penulissannya. Cikgu Amer juga menyatakan penulisan yang baik adalah perlu dipilih oleh panel yang baik.

DIARI KAJIAN

4 April 2017

Mula menghubungi Cikgu Amer untuk meminta kebenaran melakukan temu bual dengan beliau.

16 April 2017

Perjumpaan ditetapkan pada tarikh ini tetapi ditunda kepada tarikh yang berikutnya.

9 Mei 2017

Perjumpaan kali pertama dengan Cikgu Amer di Sekolah Menengah Kebangsaan Selama untuk pengenalan diri.

10 Mei 2017

Temu bual dilakukan bersama Cikgu Amer di rumahnya pada jam 10 pagi.

4 Julai 2017

Sekali lagi kami menghubungi Cikgu Amer untuk membuat perjumpaan kali kedua.

6 Julai 2017

Perjumpaan bersama Cikgu Amer di SMK. Selama Kedah. Perjumpaan ini bertujuan untuk menyemak semula transkrip yang ditulis dan memastikan segala maklumat yang ditulis adalah sahih.

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK

RALAT

Bunyi hujan

Bunyi suara isteri Cikgu Amer yang mencelah semasa temu bual dilakukan

Bunyi tapak selipar isteri Cikgu Amer yang sedang berjalan

Bunyi isteri Cikgu Amer sedang mengetip kuku

Bunyi anak Cikgu Amer menutup daun pintu bilik

Bunyi suara Ain Syahirah mencelah

Bunyi cawan diletakkan di atas meja

Bunyi kipas

INDEX

A

Amer Hmzah L. Kadir 11,

C

Caturangga 30,

Cerpen 27, 28,

D

Dewan Bahasa dan Puataka 28,

E

Editor 35,

I

ID 43,

Idea 33,

J

Jabatan Buku 53,

Jabatan Bahasa Melayu 65,

K

Kala Yuda 41,

Kamus Dewan 50,

Kembara Amira 23,

Kumpulan Utusan 66,

L

Larut 49,

M

Mengukir Larut 32,

N

Novel remaja 64,

P

Pendidikan 13,

Penulis 24,

Pemulisan 23,

Pertandingan 29,

Perpustakaan Negara 64,

Projek Hadiah Sastera Remaja 24,

Projek Hadiah Galakan Sastera Kenyalang Cerpen dan Puisi 30,

R

Remaja 24,

S

Sastera 24,

Sayembara 31,

Sayembara Hadiah Sastera 26,

Sains Fiksyen 36,

T

Tom Raider 26,

W

Watak 24,

RUJUKAN

Ani Awang. (2006, July 10,). Guru memenangi hadiah utama novel remaja. *Arkib Utusan*.

Retrieved from

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info/asp?y=2006&dt=0710&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm

Azida Ishak. (2016). Retrieved on June 19, 2017 from

<https://penasaifai.com/2016/02/25/wawancara-bersama-amer-hmzah-l-kadir-bahagian-1/>

Encik Amer Hmzh L. Kadir (2017, May 10). Personal interview with Nur Amalina Azira Bt Razak & Siti Nur' Ain Binti Mohamad Sharif.

Norazlinda Misran. (n.d.). Penyampaian hadiah sayembara menulis novel sejarah dan pelancaran novel. Retrieved from <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=11075>

Penulisan sejarah harus berdasarkan fakta: TPM. Utusan Borneo (Sarawak).

Retrieved from <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20170310/textview>





PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK




Koleksi buku novel yang dihasilkan Cikgu Amer

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017

SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK



PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR
10 MAY 2017
SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK



Novel Kembara Amira yang ditulis oleh Cikgu Amer pada tahun 2000

PENULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR

10 MAY 2017

SITI NUR AIN BT MOHD SHARIF & NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK



Sijil dan watikah yang diterima Cikgu Amer



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM

SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya..... AMER HMZAH L. KADIR

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk
PENJULIS NOVEL SASTERA REMAJA AMER HMZAH L. KADIR

daripada penemubual iaitu NUR AMALINA AZIRA BT RAZAK dan
SITI NUR AIN BT MUHAMMAD SHARIF Transkrip ini telah diserahkan
kepada saya pada 12 JULAI 2017

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) 014-2200412 (No. tel bimbit)
- b) (No. tel. rumah)
- c) (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

~~000~~ SIMPANG PUTERA, KAMPUNG LOBAK, MAHANG, 09700
KARANGAN, KEDAH

Nama : AMER HMZAH L. KADIR

Tandatangan :

Tarikh : 6 JULAI 2017



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan EN. AMER AMZAN L. FAOIR

Pada 10 May 2017

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....
Pengkisah (interviewee)


.....
DR. AZREE BIN AHMAD
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah
08400 Merbok
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
~~Universiti Teknologi MARA Kelantan~~



BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

1. Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Bahagian Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah
2. Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar) (TAPA)
3. Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar

A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : ORAL DOCUMENTATION

Anjuran : IMR 604

Tarikh Aktiviti : _____

Tempat Aktiviti: _____

B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : ENCIK AMER HMZAH L. KADIR

Organisasi : _____

Jawatan : GURU / PENULIS

Tajuk Ceramah : _____

C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar : STI NUR 'AIN BINTI MOHAMAD SHARIF
ORAL DOCUMENTATION
NUR AMALINA AZIKA BI RAZAK

2. No. Telefon : 013-5061603

3. Tandatangan : [Signature]

1. Nama Penasihat Aktiviti : DR. AZREE BIN AHMAD

2. No. Telefon : 013 - 4056000

3. Tandatangan : _____

Pengesahan Polis Bantuan, UiTM Cawangan Kedah

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas dibenarkan / tidak dibenarkan menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan Ketua Bahagian : [Signature]

Cop Jawatan : (MOHD IQBAL BIN ABDULLAH) ASP / P/
Pegawai Keselamatan Kanan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah

Tarikh : 4/4/2017

Catatan (jika ada) : _____

